



جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**TEMUBUAL SEJARAH LISAN MENGENAI SEJARAH KAMPUNG JABI  
SEGAMAT JOHOR**  
**BERSAMA ENCIK KHIR JOHARI BIN OMAR**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**MUHAMMAD FAIEZ BIN AKHBAR**  
**HARITH ASHRAF BIN ABU BAKAR**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT**  
**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS**  
**DOKUMENTASI SEJARAH LISAN – IMR 604**

**SEMESTER 5 (SEPT 2017 – JAN 2018)**

**ISI KANDUNGAN**

<b>NO.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
-	Penghargaan	1
<b>1.0</b>	Abstrak	2
<b>2.0</b>	Pengenalan	3-4
<b>3.0</b>	Transkrip Wawancara	5-58
<b>4.0</b>	Log Wawancara	59-63
<b>5.0</b>	Ringkasan Biodata Penulis	64-64
<b>6.0</b>	Biodata Ketua Kampung	65
<b>7.0</b>	Senarai Soalan Wawancara	67-71
<b>8.0</b>	Rumusan	72
<b>9.0</b>	Senarai Rujukan	73
<b>10.0</b>	Lampiran	73
<b>11.0</b>	Kata Singkatan	73
<b>12.0</b>	Kronologi	74
<b>13.0</b>	Indeks	75-78

## PENGHARGAAN

Pertama sekali syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kumia dan izinNya maka dapatlah kami menyiapkan projek temu ramah bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan pembelajaran dalam subjek IMR604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan). Kami bersyukur kepadaNya kerana memberi kekuatan, ketabahan dan kesabaran dalam memenuhi pelbagai kesusahan dan rintangan dalam proses menyiapkan projek ini.

Juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada encik yang telah ditemu ramah Encik Khir Johari Bin Omar kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah dan bekerjasama dengan kami dalam menyumbang idea untuk menyiapkan projek temu ramah secara lisan ini. Tanpa kerjasama dan kesudian dari pihak beliau, kami juga tidak dapat menyiapkan projek ini dengan lengkap dan sepenuhnya.

Juga, tidak lupa kepada pensyarah kami, Encik Mohd Zul-Azmi Bin Ishak, kerana sudi meluangkan masa berbincang dengan kami apa jua masalah yang kami hadapi sepanjang tempoh projek ini dijalankan. Terima kasih juga kepada beliau kerana tidak putus-putus memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami dalam menyiapkan projek ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kedua-kedua orang ibu bapa kami yang juga tidak berputus asa dalam memberi semangat, membantu kami dari segi kewangan dan mendoakan kejayaan kami sepanjang projek ini dijalankan. Tidak ketinggalan buat rakan-rakan yang juga banyak menyumbangkan idea dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menyiapkan projek ini. Juga diucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung sepanjang tempoh projek ini dijalankan.

Sekian, terima kasih.

# **ABSTRAK**

## 1.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi wawancara yang dijalankan pada tarikh 16 Disember 2017 pada jam 9.25 pagi .Wawancara ini dimulakan dengan menemuramah Ketua Kampung Jabi untuk menceritakan pengalaman dan pengetahuan beliau terhadap sejarah Kampung Jabi. Kampung Jabi tersimpan pelbagai sejarah yang belum di ketahui masyarakat. Kampung Jabi pada mulanya di buka kira-kira 100 tahun oleh 4 orang pengasas awal kampong ini. Kampung ini dahulunya dipenuhi semak samun dan ketika mula mula ditemui ada sebatang pokok yang tidak pemah dilihat oleh pengasas tersebut dan apabila di tanya kepada orang cerdik pandai pokok itu bernama Jabi dan dari situalah kampung ini mendapat nama. Di dalam kampong ini terdapat pelbagai mitos dan misteri yang masih belum di ketahui ramai contohnya seperti Danau Perawan, kewujudan bunian dan bunyi meriam ketika banjir. Di dalam transkrip ini akan merungkai sejarah kampung yang belum di ketahui oleh masyarakat.

*Kata Kunci: Kampung Jabi, Ketua Kampung, Segamat.*

# **PENGENALAN**

## 2.0 PENGENALAN

Sejarah merupakan peristiwa lampau yang terjadi pada satu masa dahulu dan sangat memberi impak kepada masyarakat pada zaman sekarang. Sejarah juga merupakan perkara yang harus diingati oleh generasi sekarang dan generasi akan datang untuk menjadi sumber inspirasi supaya menjadi lebih bertanggungjawab kepada negara dan bangsa. Oleh itu, sejarah lisan merupakan satu proses merekod pelbagai peristiwa bersejarah melalui temu ramah yang dilakukan di antara penemu ramah dan orang yang ditemu ramah sama ada orang yang ditemu ramah itu mengalami, mengetahui ataupun menyaksikan peristiwa yang bersejarah dan boleh menceritakan tentang perihal yang berlaku pada masa tersebut. Proses ini dilakukan untuk mengumpul maklumat-maklumat berkaitan dengan peristiwa bersejarah untuk memberikan sedikit informasi kepada pembaca-pembaca yang ingin mendalami sejarah yang berkaitan. Selain itu, proses ini dilakukan dengan merekod suara penemu ramah dan orang yang ditemu ramah untuk dibukukan atau dipindahkan ke bentuk transkrip supaya memudahkan para penyelidik mencari maklumat.

Tujuan sejarah lisan ini adalah untuk mengumpulkan maklumat berkenaan sejarah yang berlaku terhadap penempatan di Segamat dan kami telah memilih Kampung Jabi sebagai kampung bersejarah dan mengupas segala maklumat berkenaan sejarah kampung tersebut. Selain itu, tujuan sejarah lisan ini juga adalah satu medium sebagai rujukan kepada generasi akan datang dan penyelidik yang ingin mendapatkan maklumat berkenaan dengan sejarah lama.

Oleh itu, kami sebagai penemu ramah berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah Kampung Jabi Berikutan itu, kami telah menyediakan pelbagai soalan untuk di jawab orang yang ditemu ramah untuk mengumpul semua maklumat berkaitan dengan sejarah tersebut. Oleh sebab keunikan yang ada pada kampung tersebut telah mendorong kami untuk mengetahui segala perkara yang berkaitan dengan sejarah lama kampong tersebut. Di sini telah kami mengupas kembali segala peristiwa bersejarah yang berlaku di kampung tersebut .

Sebagai orang lama dan orang paling tua serta pemegang jawatan di Kampung Jabi, mereka dapat menjawab segala pertanyaan dan memberitahu dengan lebih lanjut berkaitan dengan perkara yang diperlukan untuk dibukukan.

Kesimpulannya, segala masalah yang berlaku dapat dihadapi dan diatasi oleh kami sebagai penemu ramah yang berminat untuk mengetahui berkenaan dengan masjid lama Kampung Jabi. Walaupun terdapat percanggahan pendapat di antara orang yang ditemu ramah, kami

sebagai penemu ramah tidak mempunyai hak untuk menilai sebarang percanggahan pendapat. Diharap segala maklumat yang telah dibukukan ini dapat memberikan informasi yang secukupnya kepada penyelidik dan sebagainya.

# **TRANSKRIP**

# **WAWANCARA**

### 3.0 TRANSKRIP WAWANCARA

#### **RAKAMAN INI DILAKUKAN BERSAMA ENCIK KHIR JOHARI BIN OMAR**

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Encik Khir Johari Bin Omar yang merupakan ketua kampung bagi Kampung Jabi, Segamat, Johor.. Rakaman ini dijalankan di No 51 Kampung Jabi Segamat pada 16 Disember 2017 bermula pada jam 9.25 pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Muhammad Faiez Bin Akhbar dan Harith Ashraf Bin Abu Bakar. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim kami mulakan sesi wawancara ini.

**HARITH** *Assalamualaikum Encik?*

TOK ARI Ha waalaikumussalam w.b.t

**HARITH** *Pertama sekali apakah nama penuh encik?*

TOK ARI Nama saya ha Khir Johari Bin Omar.

**HARITH** *Apakah gelaran yang digunakan oleh orang sekeliling terhadap encik?*

TOK ARI Gelaran tu banyak gelaran, ada separuh panggil ha masa kawan-kawan dulu, bila kawan-kawan zaman-zaman rock dulu diorang [mereka] panggil saya joe (ketawa) tu [itu] nama glamour [terkenal] dulu la, kemudian ada apa ni orang kampung panggil Ari je [sahaja] Ari, ha sekarang ni ada yang panggil Encik Ari, ada yang panggil Tok Ari, dan kalau ha kawan-kawan sekeliling dia panggil Tok Khir.

**HARITH** *Ha boleh saya gunakan gelaran Encik dalam temu ramah ini?*

TOK ARI Gelaran yang mana satu tu [itu]? (ketawa) gelaran yang mana satu?

**HARITH** *Ha Encik?*

TOK ARI Apa ni ha yang ni [ini] lah.

HARITH Tok Ari.

**HARITH** *Bilakah tarikh Tok Ari dilahirkan?*

TOK ARI Ha lapan hari bulan September 1959 [8.9.1959].

- HARITH** *Dimanakah Tok Ari dilahirkan?*
- TOK ARI Saya dilahirkan ha di Buloh Kasap. Segamat.
- HARITH** *Adakah Tok Ari merupakan anak jati kampung ini?*
- TOK ARI Ha saya anak jatilah, lahir disana kemudian dibesarkan disini. di Kampung Jabi.
- HARITH** *Adakah Tok Ari dilahirkan secara tradisional atau di hospital?*
- TOK ARI Ha saya tak [tidak] ingat lah, mungkin hospital agaknya kalau tak [tidak] salah la, macam hospital
- HARITH** *Boleh saya tahu, apakah nama hospital tersebut?*
- TOK ARI Hopital segamat lah. Hopital segamat. (batuk)
- HARITH** *Dimanakah Tok Ari menetap kini?*
- TOK ARI Dimana saya menetap,disinilah di kampung Jabi ni [ini] No 51 Kampung Jabi.
- HARITH** *Berapa lamakah Tok Ari telah menetap di Kampung Jabi ini?*
- TOK ARI Ha saya menetap daripada,daripada ha lahir ha kemudian lepas sekolah tahun tujuh puluh empat [74] saya keluar ha ambil pengalaman di luar dan saya balik sini pada tahun yang seribu Sembilan ratus Sembilan puluh Sembilan [1999].
- HARITH** *Ha berapakah bilangan adik beradik Tok Ari?*
- TOK ARI Adik beradik ada lima[5] orang.

**HARITH** *Berapakah jumlah adik beradik perempuan dan adik beradik lelaki?*

TOK ARI Adik beradik laki-laki [lelaki] ada tiga [3] orang dan yang perempuan ada dua[2] orang.

**HARITH** *Tok Ari merupakan anak yang keberapa? (bunyi ayam)*

TOK ARI Saya anak nombor dua [2].

**HARITH** *Adakah kesemua adik beradik Tok Ari masih hidup?*

TOK ARI Ya masih hidup. (bunyi ayam)

**HARITH** *Adakah mereka menetap disini?*

TOK ARI Tak [tidak] ha di luar luar luar kawasan kampung jabi. Ha ada adik, abang kepada saya menetap di sermin, kampung sermin ha (bunyi ayam) adik saya menetap di ha pemanis ha perempuanlah, adik saya yang laki-laki [lelaki] yang yang yang sulung tu laki-laki [lelaki] ha adik saya yang laki-laki [lelaki] yang last [akhir] yang bongsu sekarang di Johor Bahru.

**HARITH** *Bolehkah encik nyatakan nama penuh ibu bapa?*

TOK ARI Ibu bapa ke bapa saje [sahaja] mana satu

HARITH Ibu bapa.

TOK ARI Kalau ibu bapa, ibu dulu lah, ibu dulu (ketawa) yela tulis ibu bapa kan , kalau dia tulis bapa ibu ok lah (ketawa) ha kan nama ibu ni nama penuh Sadiyah Binti Lawang. Sadiyah binti lawang (mengeja) itu nama ibu, nama bapak [bapa] ha Haji Omar Bin Kamal. (batuk)

**HARITH** *Berapakah bilangan adik beradik ibu Tok Ari?*

TOK ARI Oh ibu eh, ibu kejap [sekejap] nak kena kira dulu, abang dia [berfikir sejenak] nombor dua [2], nombor tiga [3], nombor empat [4], nombor lima

[5] [berfikir sejenak]. Enam [6].

**HARITH** *Berapakah bilangan adik beradik ayah Tok Ari?*

TOK ARI Bilangan adik beradik dia, ha [berfikir sejenak] tiga [3] orang (ketawa).

**HARITH** *Adakah ibu bapa Tok Ari masih hidup?*

TOK ARI Ha ibu dah meninggal, bapak [bapa] masih hidup.(bunyi selakan kertas)

**HARITH** *Dimana ha bapa Tok Ari menetap kini?*

TOK ARI Dia sekarang menetap di rumah isteri dia (bunyi selakan kertas) di kawasan Kampung Jabi jugak [juga]

**HARITH** *Boleh Tok Ari nyatakan pekerjaan ibu bapa Tok Ari?*

TOK ARI Dia tak [tidak] kerja dah. Yang bapk [bapa] ni ada ada pencen la.

**HARITH** *Adakah ibu bapa Tok Ari memang berasal daripada Kampung Jabi atau merantau dari tempat lain?*

TOK ARI Bapak [bapa] saya Kampung Jabi, mak [emak] saya daripada Kuala Paya la segamat, kawasan Segamat jugak [juga].

**HARITH** *Seterusnya, adakah Tok Ari telah mendirikan rumah tangga?*

TOK ARI Dah, dua[2] kali.

**HARITH** *Pada umur berapakah Tok Ari mendirikan rumah tangga?*

TOK ARI Ha yang pertama tu [itu] dua puluh lima [25] tahun.

**HARITH** *Apakah nama penuh isteri Tok Ari?*

TOK ARI Nak [hendak] yang mana satu? Nak [hendak] yang baru lah,yang baru ha

Nurhafizah Binti Zukar.

**HARITH** *Berapakah umur isteri Tok Ari?*

TOK ARI Tiga puluh empat [34].

**HARITH** *Apakah pekerjaan isteri Tok Ari?*

TOK ARI Sekarang ni dia ha supervisor di dalam pam minyak Caltex.

**HARITH** *Isteri Tok Ari berasal daripada mana?*

TOK ARI Dia pun berasal daripada Jabi jugak [juga]

**HARITH** *Berapakah bilangan cahaya mata Tok Ari?*

TOK ARI Yang sekarang yang semua sekali campur dua-dua lah ada [berfikir sejenak] ha empat [4] orang.

**HARITH** *Boleh Tok Ari ceritakan serba sedikit tentang anak-anak Tok Ari?*

TOK ARI Hm cerita serba sedikit, cerita serba sedikit kena semua sekali kena cerita la. (ketawa) panjang tu, (ketawa) ha saya ambil daripada yang tua lah, yang tua tu yang ni secara jujur saya cerita la, ha yang tua tu ha sekarang ni berumur lebih kurang ha dalam tiga puluh dua [32] lah, tiga puluh dua [32] tahun ha dia masa dilahirkan di pulau pinang dulu dan dibesarkan di pulau pinang dan selepas tu [itu] separuhnya kita masa sekolah menengah dia dibesarkan disini di JB [Johor Bahru] ha sekarang ni bekerja di asia di jakel jakel segamat dia mempunyai ha dua [2] orang cahaya mata. Ha selain daripada tu [itu] dia ada jugak lepas masa tingkatan lima [5] dia ada sambung belajar di sebuah sebuah hm sesi apa yang buka kerajaan punya tu [itu].

HARITH IPTS [institut pengajian tinggi swasta]

TOK ARI Ha IPTS [institut pengajian tinggi swasta] ha sebagai pembantu tadbir tapi

dia tak [tidak] jadi ... (ketawa) ok yang kedua tu ha yang kedua ha dia sekarang ni di pun dilahirkan di pulau pinang kemudia dia ha dibesarkan sekejap di pulau pinang kemudian selebihnya di di Jabi, ha sampai dia tamat tamat tingkatan lima [5] dia dah mintak askar dia dapat askar dan dia bertugas di dia sebagai apa ni [ini] ha sebagai tukang masak askar. Dan apa ni [ini] seterusnya anak saya yang baru ni [ini] ha dia masih bersekolah lagi tahun ni [ini] dia akan masuk darjah enam [6] ha di Sekolah Rendah Sepinang, Sekolah Rendah Kebangsaan Sepinang SK SK SK (batuk) dan apa ni [ini] yang akhir sekali anak saya ni jugak ada sekolah di ha [berfikir sejenak] Sekolah Kebangsaan Sepinang ha sekarang ni [ini] dia darjah tiga [3] ha akan masuk darjah tiga [3] lah tahun tahun dua ribu lapan belas [2018] ni [ini] ha yang lain tu [itu] saya tak [tidak] ceritakan minat yang ni [ini] saya ceritakan sikit [sedikit] minat dia, minat dia nak jadi pemain bola sepak Malaysia dan sekarang ni dia masuk dalam apa ni [ini] dalam saya masukkan dia dalam kelab apa ni [ini] Retro jr, Retro fc jr ha setakat ni dia seorang pemain mid field [pemain tengah] dan apa ni yang kedua ... ha betul la tu, betul la (suara anak) itu saja la saya rasa.

**HARITH**

*Adakah Tok Ari sudah mempunyai cucu atau cicit?*

**TOK ARI**

(ketawa) cicit takde [tiada] lagi ha cicit takde [tiada] lagi yang ada cucu, cucu anak saya yang pertama tu [itu] ada dua [2] dua-dua perempuan ha anak saya nombor dua [2] tu [itu] ada tiga [3] cucu satu [1] perempuan dua [2] laki-laki [lelaki]. Ha masih kecil-kecil lagi la sekolah lagi masih nakal-nakal macam tu [itu].

**HARITH**

*Seterusnya, beralih kepada soalan latar belakang pendidikan , dimanakah Tok Ari mendapat pendidikan awal?*

**TOK ARI**

Saya mendapat pendidikan awal di sekolah rendah inggeris Segamat, masatu masatu sekolah rendah inggeris Segamat la, sekarang dah tak [tidak] tahu la nama apa dah baru nama dia dan ha hmm masa tu [itu] sekolah tu [itu] sekolah inggeris, saya ni [ini] orang kampung waktu tu [itu] orang kampung nak [hendak] pegi tuisyen [kelas tambahan] pun tak [tidak] tahu mana pun tak [tidak] tahu jadi apa ni [ini] pendidikan saya agak

kurang terencat sikit [sedikit] la walaupun saya ni [ini] orangnya bijak sikit [sedikit] ni [ini] (ketawa) orang tak [tidak] puji saya puji la saya bijak la kata jadikan ha jadi takde [tiada] tusyen [kelas tambahan] kemudian saya terus ha melangkah ke sekolah menengah.

**HARITH**

***Pada tahun bilakah Tok Ari bersekolah rendah?***

**TOK ARI**

Tahun sekolah rendah, fuh masha allah kena kira ni [ini] (ketawa) sekolah rendah lama dah [sudah] (bunyi kalkulator) tahun seribu Sembilan ratus masa tu [itu] tengah top [terkenal] dengan komunis, berhenti kejap [sekejap] boleh tak [tidak] untuk kira jap [sekejap]

**HARITH**

Wawancara ini diberhentikan seketika

**HARITH**

***Berikut adalah sambungan wawancara (bunyi motor), pada tahun bilakah Tok Ari bersekolah rendah?***

**TOK ARI**

Saya masuk sekolah rendah tahun ha tahun seribu Sembilan ratus tujuh puluh [1970].

**HARITH**

***Apakah nama sekolah rendah Tok Ari?***

**TOK ARI**

Sekolah Rendah Inggeris Segamat. Sekarang diorang [mereka] panggil Batu Hampar tak [tidak] silap saya. batu hamar eh tak [tidak] silap saya Batu hampar kan yang yang yang yang dekat masuk sekolah Seg Hwa bawah tu [itu] batu hampar kan ha sekarang sekolah tu [itu] panggil Sekolah Batu Hampar. (bunyi televisyen)

**HARITH**

***Pada tahun bilakah Tok Ari bersekolah menengah?***

**TOK ARI**

(Batuk) lepas tamat sekolah , sekolah rendah saya masuk sekolah [berfikir sejenak] ha sekolah menengah tahun ha seribu Sembilan ratus tujuh puluh enam [1976].

**HARITH*****Apakah nama sekolah menengah Tok Ari?*****TOK ARI**

Sekolah, sekolah, nama sekolah menengah , nama sekolah menengah ni [ini] sekolah nama macam nama cina sikit [sedikit] patutnya dia tu [itu] macam ni [ini] pelajar-pelajar daripada ha sekolah cina banyak. Nama dia nama sekolah tu [itu] sekolah,Sekolah Menengah Seg Hwa Segamat.

**HARITH*****Apakah pengalaman yang tak [tidak] dapat dilupakan Tok Ari semasa bersekolah?*****TOK ARI**

(ketawa) pengalaman banyak, pengalaman bergaduh dengan cina jela (ketawa) asyik bergaduh je [sahaja] dengan diorang [mereka] ha setakat pengalaman yang pengalaman saya ni pasal pelajar yang agak keciciran la masa tu [itu] apa ni [ini] saya tak [tidak] dapat sepenuhnya apa ni[ini] maklumat maklumat tentang pelajaran, masa tu [itu] kampungkan kat [dekat] sini masih kampung lagi masih pembangunan dan dulu ni [ini] masih jalan merah ni [ini] takde [tiada] jalan kalau jalan pun tak [tidak] boleh,tak [tidak] boleh kereta nak masuk pun payah [susah] sebiji kereta je [sahaja] boleh lalu masa zaman zaman saya dulu [dahulu] lah jadi pendedahan tentang pelajaran ni [ini] memang cukup kurang lah. Saya pulak [pula] apa ni anak yang dalam dalam dalam dalam keluarga tu [itu] saya pula anak yang ha dipaksa untuk masuk sekolah inggeris (ketawa) sedangkan dalam rumah tu [itu] sorang [seorang] pun tak pandai [tidak pandai] cakap inggeris ha jadi tulah [itulah] masalah dia, jadi masa sekolah masuk masuk tingkatan tingkatan satu [1] kan ha peralihan pelajar pelajar dalam tu [itu] makin tinggi. Maka kefahaman saya kurang. Jadi rasa-rasa saya ha cuma jadi, jadi pelajar yang biasa-biasa je [sahaja] takde [tiada] kata nak [hendak] cari nak [hendak] dapat pengalaman nak [hendak] dapat anugerah ke, atau gred ke takde [tiada] masa [itu] takde [tiada] takde [tiada] mastu takde [tiada] motivasi impian untuk benda tu [itu] ha cuma waktu ni [ini] ha kau [engkau] pergi sekolah dah tu [itu] je. Ha sekolah.

**HARITH*****Apakah yang Tok Ari lakukan setelah tamat persekolahan?***

TOK ARI

Dah sekolah dah habis sekolah, apa ni [ini] ha saya mula pergi berkerja la, saya lepas sekolah saya ingat lagi masa tu [itu] rumah ni [ini] takde [tiada] lagi rumah tu [itu] rumah lama rumah buruk rumah lama kan, jadi ha tidur pun rumah papan masa tu [itu] saya bagi tahu kat [dekat] kawan saya pukul lepas lepas isyak tu [itu] saya bagitahu kat [dekat] bapak [bapa] saya,tolong bekalkan saya duit saya nak [hendak] keluar daripada rumah ni [ini]. Bergaduh malam tu [itu] dengan orang tua. Last [akhir] sekali bapak saya bagi saya dua puluh [20] ringgit untuk keluar daripada rumah, untuk cari pengalaman. Lepas tu [itu] saya pergi lah pengalaman saya pergi, saya pergi ke ha lepas sekolah tu bawak duit dua puluh [20] ringgit, ha masa tu susah dik (menangis) nak [hendak] cari kerja takde [tiada] kerja kalau kerja pun tiga ringgit setengah sehari, masa tu [itu] susah, saya ingat dulu [dahulu] saya tidur di pantai,pantai Lido tu [itu] tiga [3] malam, sampai saya jumpa dengan kawan saya sorang [seorang] dia dah [sudah] duduk lama dekat Johor, dia yang bawak [bawa] saya pergi rumah dia ha saya mula hidup dekat situ (menangis) dia banyak bantu saya masa tu [itu] jap [kejap] ... kedai makan ha dia nak [hendak] makan mudah sikit [sedikit] kana da makan, ada gaji ok lah saya kerja kat [dekat] situ dalam masa saya kerja kat [dekat] situ saya ada satu [1] apa ni [ini] kawan saya masa dah kenal kawan ramai kan masa tu [itu] tempat tu [itu] ada orang ajak kerja, kerja di apa ni [ini] kilang playwood [papan] dekat Johor nama kilang tu Pluto city daiken , kalau tak [tidak] salah la, tak [tidak] ingat macam tu [itu] lah lebih kurang Pluto pluto, eh bukan ni [ini] apa, bukan Tunku Mahmod punya ni [ini] apa Tunku apa masa tu [itu] dia Raja Muda apa ni [ini] Sultan Ibrahim kan, ha saya kerja kat [dekat] situ lama sikit, lama jugak tapi saya tak [tidak] duduk dah [sudah] dengan kawan saya,saya ha tak [tidak] duduk di kedai, saya di ha diorang [mereka] buat ha macam apa kongsi dan kongsi rumah rumah untuk pekerja saya duduk kat [dekat] situ, lepas tu [itu] masa saya kerja,kerja kerja kat [dekat] situ kawan saya ajak saya pergi kat [dekat] satu kilang , kilang plastik ha jadi kerja dekat dekat kilang papan tu [itu] berat kan, kerja dia banyak, berat saya rasa try [cuba] tengok kilang plastik, saya pergi kerja kat [dekat] situ kilang plastic tu [itu] gajinya murah betul tiga [3] ringgit satu hari, kalu shift malam dia tambah lima puluh [50] sen, tiga ringgit lima puluh sen [3.50] satu hari, situ lah saya makan kadang balik kampung, sampai saya dapat kerja dapat saya baca baca surat khabar dia buat satu iklan katakan ada ni [ini] nak

[hendak] pakai salesman [jurujual] yang kata nak pakai salesman [jurujual], gaji gaji dia cakap ha enam ratus [600] hingga seribu [1000] sebulan, banyak tu [itu] kan, masa tu sekarang seribu [1000] sebulan (ketawa) takde [tiada] apa la Nampak apa la, jadi saya kerja saya mintak apa ni [ini] esok tu [itu] dia suruh datang kerja, memang ha kerja tu [itu] kerja untuk jual ha satu [1] produk haa nama dia ha produk tu [itu] ha apa eh periuk ajaib ha periuk ajaib tu dia seronok jual dial periuk ajaib ni [ini] dia dia dia kita boleh gunakan atas dan kita boleh gunakan tutup dia, dia boleh macam macam jadi oven [ketuhar] apa semua jadi masa tu [itu] waktu tu [itu] apa ni kalau salesman [jurujual] pergi rumah ke rumah tak [tidak] jadi masalah kan masa tu [itu] tapi sekarang ni oleh kerana salesman [jurujual] dia dah menyamar jadi salesman [jurujual] orang bagi [beri] masuk rumah dia rompak, samun semua kan masa tu[itu] tak [tidak] masa tu [itu] senang kita akan ikut satu [1] trip daripada apa ni ikut apa ni trip satu [1] satu [1] kereta empat [4] orang kita akan masuk dalam dalam dalam kampung kita cari la mana mana kampung yang diorang [mereka] pergi kita akan jual kita punya periuk. Oh seronok masa tu [itu] siapa ni dia punya commision dia satu [1] satu [1] periuk tu [itu] orang bagi deposit je [sahaja] kita dah [sudah] dapat sepuluh [10] ringgit, awak bayangkan lah sepuluh [10] ringgit masa tu besar kan ha masa tu [itu] sedangkan saya kerja kilang satu [1] hari baru tiga [3] ringgit tiga ringgit lima puluh sen [3.50], sana sepuluh [10] ringgit kadang kadang saya boleh jual satu [1] hari kadang saya boleh dapat sampai seratus [100] lebih ha masa tu [itu] loaded [banyak duit] loaded [banyak duit] masa tu [itu] lepas tu[itu] apa ni pindah ke batu pahat ha batu pahat kita dah [sudah] susah sikit nak [hendak] masuk, masuk saya berhenti pada tu ha sebab saya dapat kerja apa ni [ini] mintak kerja di Jabatan Penerbangan Awam ha sebagai buruh la, sebagai buruh saya pergi temuduga jabatan Penerbangan awam tu [itu] eh bukan jabatan penerbangan awam ha jabatan penerbangan awam saya pergi di senai temuduga, kemudian apa ni [ini] temuduga lepas dalam masa dua minggu tu surat panggil untuk kerja saya bertugas masa tu [itu] saya kena ha jaga kawasan Segamat, Lapangan terbang segamat tu ha saya jaga, eh seronok jaga kat [dekat] situ masa tu [itu] gaji kalau tak [tidak] salah ha sebulan apa eh dua ratus lima puluh [250] ,dua ratus enam puluh [260] (ketawa) ha gaji gaji gaji kerja dua ratus enam puluh [260], tapi happy [gembira]. Dekat sana kalau kata kan selalu diorang [mereka] buat

penerbangan percuma sewa khas tu [itu] kan fuh dapat naik free (ketawa) haah kapal terbang ha seronok masa tu [itu] kat situ,dalam saya kerja kat [dekat] situ ha apa ni [ini] agaknya impian tu nak [hendak] jadi, nak [hendak] jadi polis daripada kecil memang nak [hendak] jadi polis ha habis tu [itu] iklan polis keluar saya pergi mintak [minta] di segamat balai polis ha apa ni [ini] balai polis segamat ha kemudian saya diterima ha tak [tidak] masa tu [itu] mula-mula saya masuk askar ada sekali saya masuk tapi tak [tidak] dapat askar la, tapi masuk polis ni ha dalam masa dua [2] minggu dia panggil untuk pergi ha latihan di PULADA [pusat latihan tempur tentera darat] Kuala Lumpur, jalan gurney boleh saya cerita terus,boleh eh tengok baru dua puluh tiga [23] minit (ketawa) ok saya pergi di haa mana tadi PULADA [ pusat latihan tempur tentera darat] eh PULADA [ pusat latihan tempur tentera darat] ha ikut la kursus tu [itu] enam [6] bulan, enam [6] bulan kursus itu, kemudian ha tahun seribu [1000] ha berapa ya saya tukar saya posting [berpindah] ke Butterworth seberang prai utara banyak la pengalaman dalam polis itu saya masa, saya bekerja di (menangis) masa saya kerja di cawangan, bukan cawangan tapi macam orang panggil gelap ayam je [sahaja] orang panggil, saya ni ramai la ada lebih kurang dalam satu team [kumpulan] lebih kurang dalam sebelas [11] orang, memang seronok masa tu [itu] member [kawan] semua best [seronok] (bunyi motor) kalau kata nak [hendak] pergi buat operasi call [telefon] pukul berapa kita orang akan turun pergi operasi memang tak [tidak] reti [tahu] takut, gila babi semua, tapi ada satu [1] kawan saya itu, dia nak [hendak] cuti esok habis nak [hendak] cuti esok, pistol semua serah la kan pasal nak [hendak] cuti nak [hendak] balik kampung pistol semua serah la kemudian dia pergi jumpa satu [1] kawan dia di apa tu [itu] di dekat sebelah belakang panggung wayang Cathay itu kawan dia, lepas itu masa dia sampai tu [itu] tak [tidak] sampai beberapa minit tu, ada penyamun dua [2] orang datang, dia datang dia cakap nak [hendak] (bunyi motor) samun, nak [hendak] samun habis itu, dia tengok ada bekas peluru ada bekas kita orang simpan peluru ada bekas peluru tu [itu] kan dia tengok dia kata lu [awak] polis ka [ke] dia kata. Masa tu saya memang rapat dengan orang yang kena samun tu. Dia cakap lu [awak] polis ka [ke] lu [awak] ingat polis besar , dia tembak dia tembak di kepala kawan saya keluar dekat (menangis) mati. Ada juga kawan saya sorang [seorang] tu [itu], kawan la tapi dia kerja tugas am dia tahan satu [1] satu [1] laki-laki [lelaki] dia berdua kan kerja pit

kan kerja jalan kaki tu [itu] dia tahan satu [1] laki-laki [lelaki] tu tapi laki-laki [lelaki] itu ha pengedar, habistu laki-laki [lelaki] tu lari dia kejar dia kejar kejar kejar ,habis yang kawan dia ni tengok-tengok tak [tidak] balik lagi pergi tengok tengok sampai dekat sana tengok dah kena tikam daripada dia punya apa ,dia punya paru-paru, mati jugak [juga], Cuma satu pengalaman yang seronok sekali masa itu masa saya bertugas, masa itu dalam unit cawangan khas jugak [juga] la, kita dapat settlekan [selesaikan] satu [1] kes yang paling besar sampai sekarang ni saya jugak [juga] jadi satu kenangan yang seronok la. Masa dalam polis tu cerita dia satu [1] hm satu [1] kumpulan apa ni [ini] penyamun ni [ini] nama dia Malau, Malau ni dalam Bahasa cina kalau dalam Bahasa Malaysia dia monyet kan cina dia suka monyet yang monyet tu kan, dia ni kumpulan dia ha umur lebih kurang dalam lapan belas [18], Sembilan belas [19], dua puluh [20] macam itu lah umur dia kan dia ni [ini] cukup cekap kalau buat samun yang seronok dia buat samun cane [macam mana] dia samun kedai user car [kereta terpakai] dekat sini habis itu dia samun samun dia lari nanti kedai user car [kereta terpakai] tu telefon polis, polis datang, polis datang orang semua datang dekat situ, dia samun pula kedai user car [kereta terpakai] sebelah ha kecekapan dia dia boleh buat satu [1] hari itu sampai lima [5] samun dia boleh buat jadi masa itu kita orang memang kena tekan teruk la kenapa kes ni tak settle [selesai] kenapa kes ni tak settle [selesai], nak jadi cerita dia, dia ada samun satu [1] satu [1] rumah itu, rumah tu [itu] ada burung merbok tau, burung merbok tu [itu] harga dekat tiga puluh ribu [30000] ha jadi dia nak [hendak] pergi samun burung merbok tu , dia nak [hendak] pergi samun burung merbok tu dia dah ikat bapak [bapa] orang tua tu habis yang perempuan ni [ini] dengar suara dia , dengar suara dia masa tu [itu] yang dia kena tangkap tu [itu] masa dia nak [hendak] balik daripada Pulau Pinang nak pergi ke Butterworth naik feri jadi penyamun ni [ini] dah [sudah] tegur dia ,tegur perempuan ni[ini] kan,perempuan ni [ini] macam kenal suara ni [ini] kan ha macam kenal suara ni [ini] maka dia orang telefon kita punya group [kumpulan] tertangkap dia dekat dekat tu [itu] dekat apa ni [ini] dekat ha pelabuhan pelabuhan seberang prai Butterworth.Bila kita orang dah tangkap dia, dia mengaku dia Malau dia dah pakai ic [kad pengenalan] ic [kad pengenalan] kawan dia yang dia bunuh dekat satu ladang getah ni [ini] dekat apa ni [ini] Sungai Petani member [kawan] dia kawan dia yang dia bunuh tu [itu] apa ni [ini]

bersangkut dengan apa ni [ini] kawan dia yang ha yang masa sama buat samun tembak polis tu [itu] kawan dia la ni [ini] dia group [kumpulan] dia la yang tembak ni [ini] (batuk) habis tu [itu] kita orang tangkap hasil daripada siasatan kita orang buat kita dapat satu [1] pucuk pump gun [senapang] lima [5] pucuk pistol dan empat [4] biji bom tangan kita orang buat itu kita orang punya operasi seminggu tak [tidak] tidur tak [tidak] seminggu kita orang dapat tidur pun sejam dua [2] jam je [sahaja] tidur sekejap keluar, tidur sekejap keluar, itulah pengalaman yang paling seronok masa dalam polis. Selepas dalam polis tu saya ada masa ha saya dah apa ni [ini] ha ada kelapangan dan saya ada buat perniagaan sikit [sedikit] la masa tu [itu], perniagaan atas nama orang lain dan saya Cuma uruskan dana saja [sahaja] lah. Masa buat katering jadi ha masa masa tu [itu] masa zaman apa ni [ini] bermiaga memang seronok ha masa sebelum sebelum duit kita jatuh Sembilan puluh enam [96] Sembilan puluh Sembilan [99] Sembilan puluh lapan [98] tu [itu] buat bermiaga cukup seronok, saya buat katering apa ni [ini] kalau kata kilang masa tu [itu] foreigners [orang luar] pun banyak kilang kilang pun beroperasi ok je [sahaja] ha jadi saya buat katering la saya buat katering apa dekat dekat ni [ini] ha dekat Pulau Pinang. Saya pakai lebih kurang dalam sepuluh [10] orang pekerja ha kalau misal kata dia orang nak buat dinner [makan malam] kita orang turun la. Kita orang buat ni [ini] apa ni [ini] kita kita servekan [hidangkan] dia punya makan la. Sampai la duit kita jatuh tahun seribu Sembilan ratus sembilan puluh lapan [1998] duit kita jatuh, ringgit jatuh duit jatuh habis kita kita punya ekonomi pun jatuh semua jatuh dan dengan saya saya pun bermiaga jatuh masa tu [itu] foreigners [orang luar] pun semua semua balik kampung kilang banyak tutup, kedai used car [kereta terpakai] tak [tidak] laku bank pun tak [tidak] nak Tarik kereta time [waktu] tu memang memang tengah teruk masa tu [itu] tahun seribu Sembilan ratus sembilan puluh lapan [1998] kalau tak [tidak] salah sampai hujung saya pun masih dekat situ lagi ha last [akhir] sekali saya nekad saya tak [tidak] nak [hendak], saya tak [tidak] nak [hendak] ambil risiko lagi kan say pun ha bayar hutang, jual rumah, jual lori jual barang barang equipment [peralatan] semua sekali, bayar hutang-hutang semua sekali saya balik kampung. Ha masa saya balik kampung tu, saya balik kampung belum ada kedai runcit lagi ha jadi saya balik kampung macam mana nak cari kedai runcit sedangkan saya balik saya balik masa masa balik Sembilan

puluh [90] ha Sembilan puluh lapan [98] tu Sembilan puluh Sembilan [99] tu ha lebih kurang dalam dua [2] minggu lagi nak [hendak] raya tak [tidak] silap, masa saya balik daripada daripada butterworth tu [itu] ada sebiji saya Cuma ada sebiji bukan lori la macam apa ni [ini] macam kereta yang belakang ada ada tu [itu] ha pikap pikap la pikap kecil mazda mazda seribu dua ratus mazda seribu dua ratus, saya bawa tu [itu] balik balik segamat sampai sampai sini sebelum subuh rasa saya. sana tu [itu] sebelum saya balik tu [itu] masa tu [itu] memang apa ni [ini] semua dah settle [selesai] duit-duit semua dah settle [selesai] ada la sikit-sikit [sedikit-sedikit] nak [hendak] makan lepastu ha duitnya takda [tiada] masa tu [itu] memang kekurangan duit, saya pikir [fikir] macam mana masa tu [itu] bulan puasa sebelum puasa tu [itu] saya tak [tidak] saya tulis [1] tulis apa satu [1] kertas A4 ni saya beli dekat kedai lebih kurang dalam dua puluh [20] sen tu [itu] saya beli kertas A4 dengan apa ni [ini] dengan gam tape [ pita pelekat] ha lepas modal lebih kurang dalam seringgit la saya tulis dekat situ sapa [siapa] yang nak [hendak] sapa [siapa] yang nak [hendak], apa ni [ini] sapa [siapa] yang nak [hendak] apa ni [ini] nak jual kuih saya ambil komisen dua puluh [20] percent [peratus] saya seringgit saya ambil dua puluh [20] sen jela saya buka satu [1] meja dekat dekat dekat ni [ini] apa tu [itu] saya sewa satu [1] satu [1] tempat dekat ni [ini] tak [tidak] sewa la letak je [sahaja] dekat situ ha meja meja tu [itu] saya ambil meja kat [dekat] rumah letakkan meja dekat rumah jadi orang taruk [letak] kuih. Dapat la meniaga dalam masa dua [2] minggu tu [itu]. Sebelum dua [2] minggu tu [itu] saya kumpul-kumpul duit lebih kurang dalam dua ratus [200] kot, dah [sudah] bayar-bayar orang punya duit semua ada lebih kurang dua ratus [200] saya balik daripada daripada butterworth sampai sini sampai sini ingat ada dalam enam puluh [60] ringgit je [sahaja] duit saya hm itulah saya start [mula] daripada situ duit takde [tiada] cari cari duit cari dengan cari apa ni [ini] besi besi buruk ha waktu tu [itu] besi buruk ada harga la besi buruk mana yang tu [itu] untuk cari duit saya dapat kumpulkan duit ha lepastu bukan saya ada meniaga ada buat buat meniaga apa ni [ini] ais krim ais krim walls. Dia bagi motor free [percuma] kemudian dia bagi barang free [percuma] untuk kali pertama. Ha motor walls yang yang lagu tenenet (lagu motor walls) lama juga la saya buat lebih kurang dalam enam [6] bulan macam tu [itu] saya dapat kumpul tiga ratus lima belas [315] ringgit dapat kumpul duit tu [itu] saya pergi beli

barang runcit dulu, saya beli biskut-biskut sikit [sedikit] saya buka dekat depan rumah tangga saya lepastu akhirnya tengok apa ni [ini] benda tu [itu] ok ok ok dan saya modal sikit saya buka apa ni [ini] orang tua ada bantu sikit [sedikit] untuk buat satu [1] kedai, saya buka kedai satu [1] buka kedai dalam buka kedai tu [itu] saya dah meniaga la meniaga sayur apa start [mula] start [mula] meniaga meniaga makin besar makin besar makin besar ok ok kemudian apa ni [ini] saya buka lagi satu [1] kedai makan jadi sebelah kedai runcit sebelah kedai makan. Buka dia lama juga la jaga kedai runcit dengan kedai makan tu sampai la apa ni [ini] sampai (berfikir sejenak) masa tu [itu] ketua kampung ha dah [sudah] pence berhenti saya minta kali pertama saya tak [tidak] ambik [ambil] saya tak [tidak] pergi temuduga, kali kedua pun saya tak [tidak] pergi temuduga, kali ketiga saya pergi temuduga dan sekarang ni [ini] saya dah [sudah] jawat ketua kampung je [sahaja] la. Apa ni [ini] perniagaan-perniagaan semua saya dah tinggalkan sebab nak [hendak] tumpukan ha perhatian saya pada kampung ini. Ok ha

**HARITH**

***Ok apakah pekerjaan Tok Ari selain ketua kampung?***

**TOK ARI**

Saya tak [tidak] kerja apa Cuma ada buat buat kebun sikit [sedikit] la kebun kebun tu [itu] bukan apa nak [hendak] keluar keluarkan peluh buat kebun ha.

**HARITH**

Wawancara ini diberhentikan seketika

**FAIEZ**

***Berikut adalah sambungan wawancara, Pada tahun bilakah Tok Ari dilantik sebagai ketua kampung?***

**TOK ARI**

Ha saya dilantik sebagai ketua kampung ha (bunyi selakan kertas) dua ribu dua belas [2012].

**FAIEZ**

***Berapa lamakan encik [ralat] Tok Ari berkhidmat sebagai ketua kampung?***

**TOK ARI**

Ha lima [5] tahun dah [sudah] kot.

**FAIEZ**

**Berapa ramaikah ketua kampung sebelum ini?**

**TOK ARI**

Yang saya tahu ha satu [1] dua [2] tiga [3], satu [1] dua [2] tiga [3]

**FAIEZ**

**Sebelum menjadi ketua kampung, adakah Tok Ari pernah memegang apa-apa jawatan dalam jawatankuasa kampung ini?**

**TOK ARI**

Ha saya pegang jawatan ha AJK [ahli jawatan kuasa] masjid je [sahaja] la

**FAIEZ**

**Tok Ari merupakan ketua kampung yang keberapa untuk kampung ini?**

**TOK ARI**

Yang ke empat [4]

**FAIEZ**

**Apakah yang mendorong Tok Ari untuk menyandang dan menerima jawatan sebagai ketua kampung?**

**TOK ARI**

Ha yang ni [ini] panjang ni [ini]. (ketawa) yang mendorong yang mendorong jadi minat yang mendorong untuk menyandang. Ok apa ni [ini] macam ni [ini] la ha sebagai seorang ketua kampung dan sebelum jadi ketua kampung saya melihat (bunyi lori) dalam kampung ini [ini] apa ni [ini] banyak banyak barang yang dah [sudah] tercicir jadi bila tercicir tu [itu] kita tak [tidak] mahu tercicir lagi jadi kalau kalau kata benda tu [itu] ha terus tercicir jadi kampung juga akan tercicir jadi saya Nampak apa ni [ini] sesuatu yang boleh ha sesuatu yang ada kemampuan yang saya nak [hendak] lakukan jadi bila saya Nampak ada kemampuan saya nak [hendak] lakukan benda tu [itu] cara cara dia kena masuk dalam keadaan tu [itu], keadaan yang mana waktu tu [itu] ha belianya tak [tidak] ada perpaduanya ada ha tak [tidak] berapa ok , ada puak puak masa tu [itu] lepas tu [itu] apa ni [ini] minat ataupun pengetahuan pengetahuan dia orang ni [ini] agak kurang meluas, kurang tersebar dikeluar dikeluarkan ha ada juga yang terlepas daripada benda ni [ini] ada yang tak [tidak] terlepas, jadi yang tak [tidak] terlepas tu [itu] kita saya rasa mesti kena mesti ada jalan untuk apa ni [ini] untuk kita atasi masalah tu jadi ha bila saya nampak benda benda tu [itu] saya scope [tumpukan] kan kepada satu [1] benda supaya kampung ni [ini] tak [tidak] jadi satu [1] tempat untuk ha kemunduran kemunduran macam dari segi pelajaran mundur

ataupun takde [tiada] siapa takde [tiada] siapa tahu yang takde [tiada] siapa yang sampaikan maklumat maklumat kepada dia untuk memajukan keadaan tu [itu] kan bila takde [tiada] sampai maklumat, dia tak [tidak] dapat maklumat maknanya dan dia pula tak [tidak] keluar untuk cari maklumat benda tu akan cicir terus. Lagi satu [1] ha kita saya pandangkan hasrat kerajaan supaya kita membendung gejala dadah, jadi kalau kita dekat bawah sini takde [tiada] orang yang nak [hendak] bagi idea untuk macam mana cara untuk lepaskan ha keadaan ni [ini] keadaan ni [ini] akan berterusan dan akan jadi sarang dadah walaupun ada yang terlepas kan tapi pembentukan kita dari segi banyak aspek kita betulkan dia orang missal kata apa ni [ini] kita letakkan dia orang ada satu [1] tanggungjawab bercampur dengan masyarakat macam saya tubuhkan persatuan persatuan belia untuk dia orang dan selain persatuan belia saya tak [tidak] tinggalkan macam tu [itu], pasal apa saya tengok bila bila saya lantik saya buat tubuhkan persatuan belia jadi kerana dia orang akan stay [tetap] macam kata pertubuhan belia saja [sahaja] dalam dalam dalam kawasan pertubuhan belia tu [itu] takde [tiada] pergerakan langsung,dia tak [tidak] dedahkan dengan diluar tak [tidak] apa ni [ini] maklumat maklumat diluar takada [tiada] masuk dalam saya rasa saya tak [tidak] boleh buat macam tu sebab rasa saya macam mana pun keputusan yang akan dibuat oleh persatuan persatuan belia ni [ini] mesti dia rujuk dekat saya dulu dan saya akan bagi tahu apa saja [sahaja] maklumat daripada kerajaan yang hasrat hasrat kerajaan saya akan sampaikan dekat dia orang ha jadi dulu takde [tiada] orang buat macam ni [ini] kan dulu [dahulu] takde [tiada] orang buat macam ni [ini] kalau tak [tidak] sampai maklumat dekat dia orang dia orang nanti akan macam tu [itu] lah dia orang pasal dia orang pun sendiri tak [tidak] tahu macam mana nak [hendak] cari maklumat kan benda tu [itu] agak sukar sikit [sedikit] pasal dia tahu kerja, balik kerja, campur dengan kawan habis jadi dia masa tu [itu] saya banyak apa ni [ini] untuk untuk dedahkan dia orang tu [itu] kena terpaksa adakan program-program yang ha bercampur dengan orang yang orang-orang atas tu [itu] akan turun padang sendiri tengok ha orang-orang yang atas tak [tidak] kira la pegawai daerah ke apa ni [ini] apa ni [ini] dun dun dun pemanis ke ataupun parlimen sekijang ke dia orang datang turun tengok dan akan sampaikan maklumat melalui syarahan dia orang dan ha budak-budak ni [ini] yang ada ni [ini] dia rasa tak [tidak] janggal tau bila dah [sudah] kenal

macam kita la masa mula kita mula kita mula agak macam rasa ha macam mana orang tua ni [ini] eh, Nampak nampak muka macam garang sikit kan kacau kita ni [ini] kan. Jadi prasangka banyak, bila kita dah [sudah] kenal ni [ini] oh macam ni [ini] orang tua ni [ini] cakap, kuat nangis [menangis] dia cakap saya memang cakap kalau saya memang betul la saya tak [tidak] reti la nak [hendak] tak [tidak] boleh nak [hendak] buat apa saya cukup sensitif dengan apa ni [ini] cerita cerita lama saya (bunyi yang tidak diketahui) kawan bergurau kawan kawan tiba tiba boleh kena tembak macam tu [itu] tak [tidak] boleh terima la (bunyi yang tidak diketahui) tu [itu] apa tu [itu] bila bila saya rasa benda tu [itu] perlu saya buat tindakan tu [itu] yang saya mendorongkan saya jadi minat untuk jadi ketua kampung dan waktu tu memang ketua kampung takde [tiada] pun. Itu je [sahaja] la.

**FAIEZ** *Ok beralih ke soalan yang seterusnya adakah ahli keluarga encik ada yang menjadi ketua kampung atau memegang apa-apa jawatan dalam jawatan kuasa kampung?*

TOK ARI Adik beradik takde [tiada] hm Cuma ayah dulu [dahulu] ada imam imam kampung.

**FAIEZ** *Adakah sekarang ha Tok Ari juga imam kampung Jabi?*

TOK ARI (ketawa) saya pun imam jugak [juga] (ketawa) macam tahu je [sahaja] soalan. (ketawa)

**FAIEZ** *Kampung Jabi terletak di bawah mukim apa Tok Ari?*

TOK ARI Mukim Jabi tu [itu] pasal kita nama kampung Jabi satu [1] (bunyi motor)

**FAIEZ** *(Bunyi motor) Ada berapa mukim yang terletak di kawasaan ini?*

TOK ARI Kawasan ni [ini] dua [2] mukim la kampung satu [1] mukim sermin dan satu [1] lagi mukim jabi.

**FAIEZ** *Kami ada terjumpa gambar encik menolong mangsa banjir, dimanakah lokasi encik menyumbangkan tenaga tersebut?*

TOK ARI Mangsa mangsa banjir eh, ada gambar? Ha gambar macam mana tu?

- FAIEZ** *Ada di ha website segamat. Segamat.com macam tu[jitu] . . . pak cik ada lipat seluar tu [itu]*
- TOK ARI Ohh tu [itu] pak cik lipat seluar [ralat]
- FAIEZ Ada bagi [beri] seumbangan dekat orang-orang [ralat]
- FAIEZ Wawancara ini diberhentikan seketika
- FAIEZ** *Berapakah keluarga yang telah Tok Ari bantu agak-agak Tok Ari?*
- TOK ARI Bantu ha kalau bantu yang macam mana tu [itu] bantu
- FAIEZ Bantu ha dalam segi bantuan dalam memindahkan mangsa
- TOK ARI Oh macam mana nak jawab eh berapa buah keluarga kalau kalau sebelah sini ada tiga puluh [30] ha tiga puluh lima [35] biji rumah dan yang tekurung ada lebih kurang dalam lima biji rumah dan yang ter ter ter apa ni [ini] ha terperangkap dalam kawasan banjir
- FAIEZ** *Soalan seterusnya, kebiasanya berapa lamakah tempoh bagi seseorang itu untuk memegang jawatan ataupun berkhidmat sebagai ketua kampung pada fahaman encik? (bunyi pen)*
- TOK ARI Pada fahaman saya, dulu [dahulu] enam puluh lima [65] tapi sekarang ni [ini] apa ni [ini] Sultan Johor dia beri sampai enam puluh lapan [68] tujuh puluh [70] la
- FAIEZ** *Pada kefahaman Tok Ari, apakah tugas sebenar ketua kampung?*
- TOK ARI Tugas sebenar ketua kampung, dia jadi dia adalah seorang yang kena bertanggungjawab kampung dan apa ni [ini] kerajaan, sebagai wakil kerajaan yang ha diletakkan di sebagai apa kerajaan untuk memantau sebarang permasalahan dalam kampung

**FAIEZ** *Pada pendapat Tok Ari apakah ciri-ciri yang perlu ada pada ketua kampung?*

TOK ARI Ciri ciri yang ada pada ketua kampung yang pertama sekali beriman, beriman apa ni [ini] haa boleh berkerja sendiri dan berkumpulan dia boleh buat tindakan dia sendiri dan berkumpulan hm [berfikir sejenak] lagi beriman dah [sudah] cukuplah dan jangan cepat marah lah rasa nya dan jangan cepat melatah. Dah rasa rasanya tu [itu] je [sahaja] kot.

**FAIEZ** *Adakah Tok Ari mengekalkan cara pentadbiran kampung seperti sebelumnya atau Tok Ari ada membuat perubahan? Jika ada sila nyatakan.*

TOK ARI Ha banyak perubahan banyak yang apa perubahan ni ada, kalau dulu sini ada satu [1] tempat port [tempat] untuk dia orang berjudi alhamdulillah sekarang ni [ini] mungkin agaknya Allah bagi bagi takda [tiada] tempat judi lagi lah. Kalau tak [tidak] dulu [dahulu] dia orang kompol [kumpul] dekat sini. Orang Gelang Chinchin semua, orang sermin, orang sepinang dia orang tu [itu] simpang yang datang sini ada main judi. Sekarang ni [ini] dah [sudah] takde [tiada] judi dah [sudah]. Ha dan apa ni [ini] ha persatuan belia selain persatuan belia kita ada persatuan kompong ha persatuan kompong, persatuan ha sepak takraw kampung jabi ha banyak lagi la yang yang dibawah bawah ni [ini] persatuan macam apa ni [ini] ha masjid , dan apa ni [ini] tadika juga termasuk sekali.

**FAIEZ** *Adakah Tok Ari dibantu oleh penolong atau pun ahli jawatan kuasa dalam melaksanakan tugas sebagai ketua kampung?*

TOK ARI Ha Alhamdulillah la kalau saya buat sorang [seorang] memang tak [tidak] boleh (ketawa) jadi sama-sama la kita buat.

**FAIEZ** *Ada agaknya agak-agaknya berapa orang di bawah Tok Ari yang menolong?*

TOK ARI Yang menolong? Yang aktif ke yang menolong?

FAIEZ Yang aktif.

TOK ARI Yang aktif ada lebih kurang dalam sepuluh [10] orang.

**FAIEZ** *Apakah aktiviti dan program yang sering dijalankan di kampung ini?*

TOK ARI Aktiviti yang sering dijalankan ha yang pertama kita sering buat gotong royong kita buat gotong royong bersihkan kawasan kawasan yang ha bukan gotong royong untuk kampung. kita bersihkan tempat-tempat awam. Jadi tempat awam tu [itu] kalau rumah tu [itu] sendiri bersih la (ketawa) ha kalau tempat awam tu [itu] kita sama-sama gotong royong bersih kubur, balai raya ,ha apa ni [ini] kompleks penghulu ha sama-sama bersihkan ha selain daripada tu [itu] ha aktiviti-aktiviti lain Cuma kita ada ha dia orang ada buat seribu langkah untuk kospen [komuniti sihat perkasa negara] tu [itu] kan ha dan ada jugak ha kospen [komuniti sihat perkasa negara] ada jugak la aktiviti sukan sepak takraw dan kompong.

**FAIEZ** *Ha sepanjang menjadi ketua kampung, apakah pengalaman yang paling diingati oleh Tok Ari?*

TOK ARI Yang paling diingati, yang paling diingati sekarang yang baru je [sahaja] la, yang lama tak [tidak] Nampak tak [tidak] ingat dah [sudah] yang dah [sudah] lepas lepas la, yang baru ni [ini] kita ada buat satu [1] program jasamu dikenang,jasamu dikenang ni [ini] kita melibatkan,kita melibatkan ha ketua-ketua yang ha telah ha berhenti, maksudnya macam kita ada ketua ketua kampung yang masih hidup lagi ada dua [2] orang ketua kampung ha imam yang masih ada lagi dan sorang [1] bilal maknanya baru-baru ni [ini] program pada sepuluh haribulan itu hari kita orang buat agak Berjaya jugak [juga] la ha dirasmikan oleh ha yang berhormat Tuan Haji Anuar Manap bin Abdul Manap ahli parlimen sekijang. Dia rasmikan dan penyertaan ha yang program tu [itu] ha kita ada bagi lima [5] orang iaitu tuan haji Harun bin Mohamand sebagai mantan ketua kampung, Tuan Haji Abdul Aziz bin Atan mantan ketua kampung, Tuan Haji Omar bin Kamal ha mantan imam satu [1] ,Tuan Haji Tey Alias Bujang bin Muda ha mantan imam dan apa ni [ini] Tuan Encik Othman bin Ahmad bilal, jadi Alhamdulillah pada program haritu satu [1] program yang kita scopekan [fokuskan] ha bagi target [matlamat] saya bagi impian saya supaya kita

melaahir kan satu [1] sifat yang menghormati orang tua. Yang ni [ini] kan sempena sekarang ni [ini] kita memang jarang jumpa tak [tidak] dah [sudah] banyak keadaan yang mana, yang mana ha masih budak budak lagi dah [sudah] tak [tidak] hormatkan orang tua ha tak [tidak] menghormati. Tak [tidak] semua lah ada yang masih yang takde disiplin tak [tidak] hormat orang tua ha jadi ha nak [hendak] terapkan keadaaan yang macam tu [itu] keadaan yang kita mnghormati orag yang lebih tua. Jadi ini saya pun dapat sokongan tahniah daripada ha YB [yang berhormat] Anuar dan juga YB [yang berhormt] Lau atas program tu [itu].

**FAIEZ**

*Adakah aktiviti dan program yang dijalankan mendapat sokongan dan penglibatan yang menggalakkan daripada penduduk?*

**TOK ARI**

Penduduk, ha setakat ni [ini] setakat [ini] penduduk masih yang apa ni [ini] masih ha keadaan lama lagi belum dapat terapkan sepenuhnya Cuma yang dapat yang kita dapat kita dapat dapat daripada sokongan daripada penduduk lebih kurang dalam empat puluh [40] percent [peratus] je [sahaja]. Apa cara pun kalau kita buat kita dapat empat puluh [40] percent [peratus] je [sahaja] ,lagi enam puluh[60] percent [peratus] tu [itu] dia orang ha macam macam rasa agaknya diaorang rasa macam ha takde [tiada] kaitan dengan dia atau pun takde [tiada] yang menyeronokkan kalau biasa kalau kalau kita buat kalau ada dia orang dia orang la apa ni [ini] NGO [non government organisation] lain kalau dia orang buat ada persembahan ,karaoke free [percuma] ke ha tu [itu] ramai la yang datang kan jadi kalau dia datang dalam program-program yang macam ni [ini] program-program yang ada knowledge [pengetahuan] dia orang rasa macam bazir la buat apa kan. Jadi tu [itu] lah kita semua sekarang ni [ini] ha kita Cuma dapat Tarik masih-masih itu pun dapat Tarik lebih kurang dalam empat puluh [40] percent [peratus] terutama terutama pada kaum lelaki ha perempuan Alhamdulillah la dia orang dia orang Nampak bagi [beri] komitmen [tanggungjawab] bagus . yang yang laki-laki [lelaki] ni [ini] dia payah [susah] sikit [sedikit]. Tu masalah sikit la tu [itu] tapi InshaAllah la mungkin nanti Allah bagi [beri] satu [1] hari ada satu [1] program yang baik ha boleh Tarik dia orang untuk apa ni[ini] keluar dengar knowledge [pengetahuan] yang kita nak sampaikan

**FAIEZ**

**Dalam empat puluh [40] percent [peratus] tu [itu] generasi muda atau generasi lama?**

TOK ARI

Campur. Ha lama pun ada baru pun ada.

**FAIEZ**

**Adakah terdapat pengalaman pahit dalam menjadi ketua kampung?**

TOK ARI

(ketawa) pengalaman pahit ni [ini] banyak yang apa ni [ini] macam-macam la sekarang ni [ini] zaman teknologi kan ada juga yang viral saya dalam facebook kata masa banjir tu [itu] saya tak [tidak] turun tengok, saya tak [tidak] turun tengok apa ni [ini] apa ni [ini] penduduk . saya ingat lagi banjir yang lepas ni [ini], banjir yang lepas ni [ini] bila saya dah [sudah] tengok air dah [sudah] macam mungkin akan berlaku banjir masa sebelum banjir tu [itu] kita orang dah [sudah] apa ni [ini] JPMM daripada dun pemanis ni kitaorang dah [sudah] buat mesyuarat untuk persiapan banjir kan dah [sudah] siap buat mesyuarat untuk persiapan banjir kita letakkan siapa dekat mana dekat mana dekat mana dekat mana penempatan penempatan penduduk nanti kan, ok apa tu [itu] ha masa tu [itu] kita jabi ni [ini] diarah kan supaya duduk tinggal di ha Sekolah Agama Bumbun.simpang tu [itu] kan. Lepastu waktu tu [itu] kita punya balai raya masih dalam proses dan saya belum terima terima arahan boleh pindah dekat balai raya tu [itu], jadi saya tak [tidak] berani buat apa-apa, pagi tu [itu] saya terus pergi ke tengok dekat tempat yang penempatan banjir ni [ini] macam mana keadaan dia kan . ha pagi tu [itu] saya jumpa dengan YB [yang berhormat] Anuar Manap di sekolah tu [itu]. Lepas tu [itu] saya pun balik, saya balik saya bagi [beri] tahu dekat orang kampung cakap sekarang ni [ini] sekarang ni [ini] pindah dekat sana habis dia orang cakap dia orang kata ha kita tak [tidak] boleh pindah dekat sana jauh, macam-macam alasan lagi kan memang jauh tapi apa ni [ini] balai raya ni [ini] dah siap, sembilan puluh [90] peratus dah siap boleh digunakan tapi tak [tidak] boleh digunakan sepenuhnya lagi la, saya bimbang takut nanti balai raya nanti kalau kata la ada kayu yang belum ok lagi kan jatuh timpa siapa nak [hendak] bayar orang tu kan. Saya saya fikir macam tu tapi oleh kerana arahan penghulu, penghulu cakap takpe boleh pindag di balai raya. Ok kita orang pindah la, jadi bila dia cakap orang kampung cakap kita nak [hendak] pindah balai raya ok kita pindah, arahkan semua sekali

berpindah kat [dekat] sana cakap pindah balai raya lepastu saya pun pergi apa ni [ini] pergi balik untuk cari dapatkan bantuan bantuan lain la, bantuan apa ni macam bantuan bantuan apa ni [ini] pasal masa tu [itu] bukit tempurung dah [sudah] kena dah [sudah] kena kepung air ada lima keluarga dekat situ saya tengah telefon sana telefon sini jadi air tu [itu] makin naik makin naik makin naik. Yang paling seronoknya dia orang ni [ini], yela saya dah arahkan pindah, habis dia orang tak [tidak] pindah, ada satu [1] rumah tu [itu] dia isteri dia sakit jadi kena kena naik wheelchair [kerusi roda] kan patutnya masa air naik tu [itu] dia dah deras [cepat] pindah tapi dia tak [tidak] pindah ada lah pulak [pula] amek [ambil] gambar mana ketua kampung tak [tidak] buat kerja ke. Itu satu dia kata saya tak [tidak] buat kerja ke cakap padahal saya kerja nak cari bantuan nak [hendak] makan semua dengan bilik gerakan lagi semua sekali kan, tu [itu] satu tak [tidak] kisah la itu viral [tular] juga tapi orang kampung sendiri yang viral. Ada satu [1] viral yang baru baru ni [ini], kes bukit tempurung, bukit tempurung tu [itu] sebenarnya kalau hari hujan lebat dalam satu [1] hari dia akan jalan ke bukit tempurung tu [itu] akan akan tenggelam air lepas tu [itu] buat air lalu kan jadi tenggelamnya tak [tidak] lama lebih kurang dalam lima [5] jam lepastu dia akan surut balik kan. awak tahu kan, ha surut balik jadi ada satu keyboard warrior [pahlawan papan kekunci] ni [ini] dia dah ambil gambar tu [itu] dia dah [sudah] viralkan dalam segamat ha teruk saya kena bantai dia cakap mana ketua kampung, ketua kampung bagi makan dedak ke orang kampung macam-macam la, tapi sebenarnya sebelum tu [itu] sebelum seblum banjir tu [itu] berlaku saya dah siapkan apa ni [ini], sistem parit dah [sudah] ok, sungai dah [sudah] ok kan, saya cakap sungai dah ok lepas tu [itu] apa ni [ini] ha saya dah [sudah] taruk [letak] lampu lima puluh enam [56] biji lampu sampai ke sampai ke bukit tempurung tu [itu] dah terang benderang dah. Dah ok tak [tidak] ada masalah, ok YB [yang berhormat] telefon saya, macam mana tok, ni cerita ni cakap saya cerita cerita dekat dia ok takpe [tidak mengapa], habis habis YB [yang berhormat] Lau pasal kita punya penggerusi banjir kan nak [hendak] tengok besok tu [itu] macam ni la time [masa] ni tengok nak [hendak] tengok kawasan banjir tu ok saya bawak dia pergi tunjuk YB [yang berhormat] sini parit dah ok, YB [yang berhormat] sini sungai dah [sudah] ok, YB [yang berhormat] tengok lampu lampu semua dah [sudah] ok sini masalah apa kita pergi jumpa jumpa

penduduk ,penduduk cakap takde [tiada] masalah sikit kejap [sekejap] je [sahaja] ok, settle la kes tu [itu] ha settle kes tu [itu] tu [itu] yang paling pengalaman pahit la senang senang je [sahaja] nak [hendak] viral [tular] (ketawa)

**FAIEZ**

***Soalan seterusnya, pernahkah Encik menghadapi aaa Tok Ari menghadapi situasi meleraikan pergaduhan di kampung ini?***

**TOK ARI**

Ada , pergaduhan antara orang kampung dengan kilang cerita dia macam ini lah, budak tu [itu] budak perempuan dia bawak [bawa] anak ke dia bawak [bawa] anak dia ke tak[tidak] salahlah dia bawak [bawa] lalu dekat gudang apa ni [ini] Jabi Jabi kedai kedai besi buruk Jabi tu [itu] kan yang dekat Gemencheh tu [itu] kan yang lawa tu [itu] lawa juga kedai tu [itu] hm hm apa tu[itu] jadi masa comer [selekok] tu [itu] dia comer tu [itu] ada satu ada anjing dia langgar anjing tu [itu] jatuh dia jatuh dia balik dia cakap dengan apak [ayah] dia jatuh kat sini , dia ajak apak [ayah] dia amuk dekat kilang tu [itu] mintak [minta] ganti rugi okay [baik] aa pada permulaan Cina tu [itu] apa ni [ini] tauke [pengurus] tu [itu] cakap dia bagi ganti rugi aa 1000 [seribu] dengan motor dengan orang punya ubat lah 1000 [seribu] takyah [tak perlu] buat report [laporan] la dia cakap abis [habis] tu [itu] dia tak [tidak] puas hati dia nak [hendak] 3000 [tiga ribu] bapak [ayah] dia nak [hendak] 3000 [tiga ribu] abis [habis] dah [sudah] duduk kat kilang dah [sudah] kepung kilang tu [itu] aaa apa ni [ini] saya tahu dah [sudah] benda tu [itu] saya diam aje [sahaja] abis [habis]tu [itu] apa ni [ini] kerani kilang tu [itu] yang call [telefon] saya tu [itu] telefon saya cakap tok diorang [mereka] [mereka] dah [sudah] duduk dah [sudah] ramai ni [ini] cakap cemana [macam mana] cite [cerita] ni [ini] cakap okay [baik] lah tak [tidak] apa lah abis [habis] tanya tanya dia macam mana you [awak] mau [hendak] settle [selesai] lu [awak] mau [hendak] settle [selesai] abis [habis] tu [itu] dia cakap dia akan settle [selesai] aaa dia kata dia boleh bayar ti [ralat] 2000 [dua ribu] aa 2000 [dua ribu] camtu [seperti itu] lah dia kata dia boleh bayar 2000 [dua ribu] yang ni [ini] pun nak [hendak] 3000 [tiga ribu] jugak apa saya cakap dengan orang kampung saya cakap kau [engkau] mintak [minta] 3000 kau [engkau] pasti tu [itu] anjing tu [itu] anjing dia? Kalau tak [tidak] bukti anjing dia dia nak [hendak] bagi 2000 [dua ribu] lebih kira okay

[baik] la amik la kan tu [itu] pun dia nak [hendak] bagi kalau dia kata tak [tidak] nak [hendak] bagi tak [tidak] boleh buat apa terserah kat awak lah nak [hendak] kalau awak nak [hendak] amik 3000 [tiga ribu] atau awak nak [hendak] report polis kalau awak dapat report polis lagi awak lagi tak [tidak] dapat apa la kan abis [habis] tu [itu] dalam kes tu [itu] dah [sudah] settle [selesai] lah cakap dengan orang cam ni [ini] cakap dengan orang ini macam ni [ini] okay [baik] cakap settle [selesai] ok settle [selesai] sign [tandatangan] cek settle [selesai] selesai le masalah tu [itu] haa.

FAIEZ

***Selain itu apakah pencapaian tertinggi yang pernah Tok Ari dapat semasa menjadi ketua kampung?***

TOK ARI

Pencapaian tertinggi apa nama sijil tu [itu] lupa aa Allahu Akbar stop [berhenti] kejap [sekejap].

FAIEZ

WAWANCARA INI DIHENTIKAN SEKETIKA

FAIEZ

BERIKUT ADALAH SAMBUNGAN WAWANCARA (bunyi fail)

FAIEZ

***Selain itu (fail diselak) apakah pencapaian tertinggi yang Tok Ari dapat semasa menjadi ketua kampung?***

TOK ARI

Aaa ehem pencapaian ni [ini] banyak ni [ini] apa ni [ini] daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia (bunyi pen) aaa pada 20 Disember (bunyi pen) 2014 (bunyi pen) apa ni [ini] Jabatan Pertanian Negeri Johor masa ni [ini] saya ada belajar aaa buat sos (bunyi pen) dan pencicah (bunyi pen) pada 11 [sebelas] November 2014 [dua ribu empat belas] (bunyi file) dan saya juga ahli jawatankuasa program melibatkan komuniti kampung Jabi daripada SEACO [South East Asia Community Observatory], SEACO [South East Asia Community Observatory] ni [ini] sebuah universiti, Monish [ralat] University (bunyi fail) saya juga dapat siapa ni [ini] daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam kursus program pendidikan masyarakat yang ni [ini] kita ada kursus komputer dalam aa kursus induksi dalam penyertaan saya dalam induksi induksi aa daripada Institut Kemajuan Desa (INFRA) (bunyi fail) juga saya dalam program

transformasi Negara pembimbing masyarakat ketua kampung senegeri yakni pada 2015 [dua ribu lima belas] 30 [tiga puluh] Mac 2015 [dua ribu lima belas] juga ada jugak lah kita apa ni [ini] aaa kursus kursus jenazah dan sebagainya lah.

**FAIEZ** *Selepas tamat tempoh perkhidmatan adakah Tok Ari akan bersara atau akan menyambung semula perkhidmatan?*

TOK ARI Maksudnya tamat perkhidmatan sampai 70 [tujuh puluh] nak [hendak] buat apa lagi (Tok Ari berseloroh) bagi orang lah orang lain buat bagi orang muda buat kalau boleh pun mungkin kalau kalau setakat kalau kata saya rasa Jabi ini dah [sudah] stabil dah [sudah] 65 saya dah berhenti tapi kalau masih tak [tidak] stabil saya rasa masih nak [hendak] nak [hendak] perlu perkhidmatan saya masih diperlukan In Sha Allah saya akan teruskanlah.

**FAIEZ** *Seterusnya beralih kepada soalan sejarah kampung berapa lamakah agaknya Kampung Jabi ini telah wujud?*

TOK ARI Wui lama dah [sudah] lama sejak sebelum aaa sema [ralat] sebelum Perang Jepun dah [sudah] ada dah [sudah] dulu lama lah

**FAIEZ** *Dalam 100 tahun lah?*

TOK ARI Aaa lebih kurang lah dia wujud tapi tak [tidak] ramai lah yang ramai masa tu [itu] Allah masa time komunis tu [itu] kita dah [sudah] ada sebijii [sebuah] kampung lah wujudnya dah [sudah] lama lah.

**FAIEZ** *Sebagai ketua kampung semestinya Tok Ari lebih tahu tentang sejarah kampung ini, bolehkah Tok Ari ceritakan sedikit tentang sejarah kampung ini?*

TOK ARI Ooo sejarah tu [itu], sejarah ni [ini] aaa pasal tak [tidak] di bukukan susah sikitlah nak [hendak] cerita Cuma cerita dari mulut ke mulut betulnya kita tak [tidak] tahu kan betulnya kita tak [tidak] tahu dia asalnya dulu takda sejarah apalah cuma sejarah ni [ini] start bila ada aa bila ada budak budak

pergi sekolah sekarang baru benda tu [itu] start ada ceritanya aaa masa tu [itu] datang aa pengasas aaa pengasas aaa Kampung Jabi ni [ini] Tok Haji Subuh, Tok Haji Abdul Ghani, Tok Haji aji aji Midun ha dan apa ni [ini] termasuk juga termasuk juga atuk saya lah Tok Kamal. Jadi diorang [mereka] [mereka] ni [ini] empat orang ni [ini] memang aaa jaga kawasan ni [ini] kemudian kahwin beranak dan apa ni [ini] dapat anak kahwin aaa banyaklah .Asalnya,pengasasnya dua tiga orang ni [ini], daripada situlah yang apa ni [ini] sejarah dia kita dapatkan apa ni [ini] diorang [mereka] [mereka] ada satu pokok yang agak pelik sikit jadi pokok tu [itu] diorang [mereka] [mereka] cakap diorang [mereka] [mereka] cakap pokok tu [itu] namanya pokok Jabi aaa daripada daripada pokok tulah yang terbitnya nama Jabi, Kampung Jabi.

**FAIEZ**

***Adakah terdapat sejarah lain tentang pembukaan Kampung Jabi dan penemuan dia?***

**TOK ARI**

Tentang penemuan saya tak [tidak] ada tak [tidak] ada rasa rasanya tak [tidak] ada yang yang yang betulnya tu [itu] lah pasal pokok tu [itu] je penemuannya pokok tu [itu] je pokok Jabi.

**FAIEZ**

***(bunyi kertas) Seterusnya berbalik kepada soalan demografi, ketika Tok Ari menjadi ketua kampung berapakah bilangan penduduk ketika itu?***

**TOK ARI**

Aaa masa tu [itu] saya jadi ketua kampung bilangan penduduk dia lebih kurang dalam 489 [empat ratus lapan puluh sembilan] orang.

**FAIEZ**

***Pada pendapat Tok Ari bagaimanakah penduduk di sini mewujudkan keharmonian yang baik sesama mereka?***

**TOK ARI**

Aaa dia wujud dia dia aaa melalui ada kenduri kenduri je lah macam ada kenduri kahwin ke jadi masa tu [itu] diorang [mereka] [mereka] campur diorang [mereka] [mereka] mana yang tak [tidak] tegur tak [tidak] tegur jugaklah mana yang tegur dia akan salam salam pimpin pimpin masa lama tak [tidak] jumpa tu [itu] masa tu [itu] lah wujudnya aaa dia punya apa ni [ini] ukhwah dia dan aaa kadang kadang ada jugak yang kita tunjukkan

masa kenduri kenduri dekat masjid lah maulid ke israk mikraj ke macam tu [itu] lah (bunyi pen).

**FAIEZ** *Sekiranya terdapat majlis yang melibatkan semua golongan usia dimanakah majlis ini akan di adakan?*

TOK ARI Ada dua tempat,satu kalau benda tu [itu] besar sangat kita akan letakkan di diorang [mereka] [mereka] akan buat di Kompleks Penghulu dan biasanya majlis majlis biasa ni [ini] kita akan buat di balai raya lah.

**FAIEZ** *Apakah contoh majlis yang besar seperti pakcik nyatakan?*

TOK ARI Majlis yang besar, sukan rakyat je lah (bunyi motor).

**FAIEZ** *Adakah penduduk kampung ini masih mengamalkan amalan kunjung mengunjung?*

TOK ARI Kunjung mengunjung, kunjung mengunjung cuma satu kumpulan lah kumpulan yasin yang kumpulan yasin wanita yang ada buat kunjung mngunjung selain itu kunjung mengunjung kalau saudara saudara je lah tapi yang lama lama je lah yang baru baru ada agak kurang sikit.

**FAIEZ** *Selain majlis, adakah penduduk masih mengamalkan gotong royong dan rewang?*

TOK ARI Ya, hmm dia buat masa kalau ada kenduri maulid kan diorang [mereka] [mereka] ada buat gotong royong masak kalau sekarang ni [ini] orang banyak pakai buffet sebab nak [hendak] apa ni [ini] kan ikut orang lah kalau dulu memang kitaorang buat gotong royong lah masak apa ni [ini] kalau untuk orang kahwin.

**FAIEZ** *Apakah aktiviti atau pekerjaan utama penduduk di kampung ini?*

TOK ARI Pekerjaan utama aa menoreh getah dan sawit dan kebun lah.

**FAIEZ** *Adakah Tok Ari tahu keluasan kebun getah dan sawit di kampung ini?*

TOK ARI Tak [tidak] pastilah tapi luaslah luas tak [tidak] dapat nak [hendak] pasti.

**FAIEZ** *Kebanyakkan anak muda di kampung ini bekerja disini atau berhijrah ke tempat lain?*

TOK ARI Aaa sekarang ni [ini] dia tak [tidak] ada berhijrah dia banyak kerja disini kecuali kalau yang keluar daripada kampung ni [ini] kena belajar, tak [tidak] banyak yang apa ni [ini] keluar kampung untuk kerja kat [dekat] luar.

**FAIEZ** *Ketika Tok Ari remaja ,bagaimanakah suasana kampung ini [ini] adakah aman atau selalu berlaku pergaduhan?*

TOK ARI Aman je ( Tok Ari berseloroh)

**FAIEZ** *Kami ke soalan pembangunan, di kawasan manakah di Kampung Jabi yang telah mengalami perubahan besar dari segi teknologi dan pembangunan?*

TOK ARI Teknologi dan pembangunan aaa kawasan yang maksudnya tekno [ralat] apa ni [ini] kawasan kawasan teknologi pembangunan ini maksudnya ini ini dia macam aaa ni [ini] ke dia macam apa ni [ini] kilang-kilang,kalau kilang kilang kita cuma ada dalam kampung-kampung ada dua kilang kawasan kilang kawasan antara Kampung Jabi dengan Kampung Bukit Pasir dan apa ni [ini] aaa atas sikit Kampung Jabi kawasan kilang lah selain itu kita cuma yang ada pembangunan aa daripada segi bangunan lah lawa kita ada cuma Kompleks Penghulu dan dengan bangunan bangunan awam apa ni [ini] balai raya masjid aaa tadika.

**FAIEZ** *Adakah masjid Kampung Jabi itu telah ada daripada sebelum Tok Ari menjadi ketua kampung?*

TOK ARI Belum belum ada lagi masa saya masa saya sebelum saya jadi masa tu [itu] kecil dulu aa dia aaa cuma surau surau surau cuma yang ada aktiviti masa

tu [itu] aaa sembahyang terawih dan sembahyang hari raya, tak [tidak] ada buat sembahyang jumaaat lah. Aaa kemudian apa ni [ini] saya ingat dalam tahun 80 [lapan puluh] lebih 80 [lapan puluh] lebih lah masa saya tak [tidak] ada kat sini dia baru dia dia baru dia dia iktiraf sebagai masjid.

**FAIEZ** *Bolehkah Tok Ari ceritakan secara ringkas perbandingan keadaan Kampung Jabi pada awal pembukaan sehingga kini?*

TOK ARI Perbandingan uuu banyak banding (Tok Ari berseloroh) banyak perbandingan dia dulu kawasan dia jalan dia jalan merah kecik kereta tak [tidak] boleh lalu lepas tu [itu] dia bagi apani [ini] jalan merah lepas tu [itu] dia dia kasarkan kemudian tar sampai sekarang ni [ini] apa ni [ini] banyak lorong lorong yang aaa untuk kemudahan orang bawak [bawa] keluar masuk apa ni [ini] bawak keluar masuk barang barang pertanian kan banyak lorong lorong ada juga setengah tu [itu] lorong lorong yang apa ni [ini] bila diorang [mereka] [mereka] dah [sudah] dirikan rumah kerajaan bagi kerajaan bagi apa apa peruntukan jalan peruntukan lampu peruntukan air semua sekali kerajaan bagi lah untuk pun untuk memudahkan orang kampung setakat ni [ini] alhamdullillah lah tak [tidak] ada lagi lah takda [tidak ada] lagi tercicirlah rasa rasanya.

**FAIEZ** *Adakah kampung Jabi ini sedang dalam perancangan untuk dimajukan lagi?*

TOK ARI Kalau perancangan banyak nak [hendak] maju lagi (Tok Ari berseloroh) banyak aa banyak lagi yang kita nak [hendak] maju kan rasa banyak kekurangan yang patut kita peruntuk kita hulurkan bantuan daripada kerajaan dari segi apa ni [ini] aaa pertaniannya kan dari segi apa ni [ini] pembangunan pendidikan dia.

**FAIEZ** *Pernahkah kampung ini dijajah?*

TOK ARI Kampung ni [ini] rasanya tak [tidak] kot rasanya tak [tidak] lah tak [tidak] ada dijajah pasal apani [ini] masa komunis tu [itu] Cuma ada komunis komunis satu malaysia kan di kampung ni [ini] terikut sekalilah dengan dengan satu Malaysia tu [itu].

**FAIEZ**

***Berapa lamakah komunis telah menetap di kampung ini?***

**TOK ARI**

Woah ni [ini] tak [tidak]da ni [ini] tak [tidak] dapat tahu ni [ini] masa zaman komunis ye (Tok Ari berseloroh)

**FAIEZ**

***Apakah yang berlaku seingat Tok Ari ketika itu?***

**TOK ARI**

Mana? Masa zaman komunis?

**FAIEZ**

Ha ah.

**TOK ARI**

Zaman komunis saya tak [tidak] ada lagi saya rasa zaman komunis saya cuma ada rasa masa 13 [tiga belas] Mei tu [itu] saya adalah. Komunis tahun berapa eh seingat saya masa komunis saya tak [tidak] ada lagi lah saya rasa saya masih belum ada lagi masih kecik tak [tidak] ingat.

**FAIEZ**

***Ada tak [tidak] cerita-cerita mulut tentang semasa komunis?***

**TOK ARI**

Ha?

**FAIEZ**

Cerita cerita yang orang ceritakan.

**TOK ARI**

Orang orang cerita dia cakap masa komunis dengan Jepun cakap teruk komunis sendiri pasal komunis ni [ini] dia kalau Jepun ni [ini] Jepun ni [ini] diorang [mereka] [mereka] cerita la kalau Jepun ni [ini] dia memang Jepun tapi komunis ni [ini] dia termasuk dengan orang orang yang menetap di sini ha orang orang Malaysia yang sama sama jadi komunis ha yang itu jadi masalah dia tu [itu] tu [itu] diorang [mereka] [mereka] pun apa ni [ini] mana yang ye lah komunis ada masih lagi masih ada lagi saki baki dia tapi diorang [mereka] [mereka] dah [sudah] insaf kot [mungkin] ( Tok Ari berseloroh) aduhai.

**FAIEZ**

***Adakah kampung ini masih ada kesan peninggalan daripada komunis tersebut?***

- TOK ARI            Kesan pening kesan pe [ralat] kesan-kesan peninggalan cuma kenangan je [saja] lah atuk saya mati ditembak komunis ha tu [itu] orang kampung banyak tahu.
- FAIEZ            *Dia macam monumen ke ada ke? Dia macam peninggalan fizikal?*  
                  *Ada bangunan ke?*
- TOK ARI            Fizikal tak [tidak]da.
- FAIEZ            *Seterusnya berapakah anggaran jarak dari Kampung Jabi ini ke Bandar Segamat?*
- TOK ARI            Jarak dia aaa 3 [tiga] kilo [kilometer] 5 [lima] aaa (bunyi lori) 3 [tiga] batu berapa ek? 3 [tiga] batu (bunyi kalkulator) jumlah empat empat [kilometer] setengah empat kilo [kilometer] setengah (bunyi kalkulator) jadi lebih kurang dalam tujuh tujuh kilo[kilometer] lah.
- FAIEZ            *Adakah terdapat perkhidmatan pengangkutan awam yang ada disediakan untuk penduduk bergerak ke Bandar?*
- TOK ARI            Untuk bergerak ke Bandar takda masa ni [ini] sekarang ini apa ni [ini] bas tak [tidak] ada teksi pun tak [tidak] ada.(bunyi barang jatuh)
- FAIEZ            *Tok Ari ada perancangan ke untuk mengusulkan pada kerajaan untuk megadakan bas dari Kampung Jabi ke Bandar segamat?*
- TOK ARI            Setakat ni [ini] usul ni [ini] belum ada timbul lagi pasal apani [ini] mungkin apa ni [ini] aa penduduk Jabi agak belum ada rasa belum ada rasa susah belum ada rasa susah ni [ini] jadi dia tak [tidak] ada usul maka saya pun tak [tidak] ada fikirkan benda tu [itu] kalau mungkin kalau diorang [mereka] [mereka] ada usul tu [itu] in sha allah lah saya kita akan fikirkan macam mana.
- FAIEZ            *Siapakah anak jati kampung ini yang telah berjaya di kenali orang ramai?*

- TOK ARI Anak jati nama tak [tidak] ingatlah nama tak [tidak] ingat apa ni [ini] satu orang lah dia dia sekarang ni [ini] pilot tak [tidak] salah , pilot [juruterbang]
- FAIEZ** *Adakah kampung ini pernah mendapat apa-apa anugerah atau pengiktirafan?*
- TOK ARI Anugerah aa tak [tidak] ada kot
- FAIEZ** *Seterusnya adakah terdapat mitos atau kisah dongeng tentang kampung ini yang encik Tok Ari tahu?*
- TOK ARI Mitos, mitos tu [itu] apa dia?
- FAIEZ Cerita dongeng.
- TOK ARI Cerita dongeng ooo cerita dongeng ni [ini].
- FAIEZ** *Cerita orang tua tua dulu.*
- TOK ARI Ha cerita orang tua tua dulu cemana [macam mana] nak [hendak] cerita ek nak [hendak] cerita dongeng eh bukan cerita dongeng lah cuma cerita ni [ini] cerita turun temurun cerita satu yang masih ada kesan lagi satu danau tu [itu] danau perawan tu [itu] lah yang tu [itu] kan danau tu [itu] memang tak [tidak] pernah kering walaupun dalam keadaan kemarau sekali pun dan apa ni [ini] danau tu [itu] di jaga oleh seorang (bunyi ayam berkокok) perempuan kalau aa perempuanlah kalau kita diorang [mereka] [mereka] cakap kalau pergi kat danau tu [itu] kalau kita buat tak [tidak] tak [tidak] tentu aa ( bunyi ayam berkокok) tak [tidak] tau [tahu] Lembah Bandan (Tok Ari berseloroh) tak [tidak] tau [tahu] saya pun tak [tidak] faham sangat lah cerita cerita kuno kan kepercayaan diorang [mereka] [mereka] jadi kalau puteri tu [itu] marah perawan tu [itu] marah jadi dia akan bagi musibah lah pada orang kat situ lah kan kalau perawan tu [itu] suka dia akan bagi banyak rezeki dekat orang tu [itu] haa di danau satu danau berhampiran dengan sungai.

**FAIEZ**

*Dimanakah lokasi danau tersebut?*

TOK ARI

Lokasi dia apa ni [ini] kawasan jalan-jalan Bukit Tempurung tepi jalan juga lah

**FAIEZ**

*Pernahkan Tok Ari pergi ke sana?*

TOK ARI

Hai banyak kali pergi selalu pergi, lalu pun boleh nampak tepi jalan

-  
*Pernahkan Tok Ari berjumpa dengan aaa Perawan tersebut?*

TOK ARI

Perawan tu [itu] kalau dah [sudah] jumpa mungkin dah [sudah] tua la ni [ini] (Tok Ari berseloroh) tak [tidak]da ah tak [tidak] pernah jumpa tak [tidak] pernah jumpa belum pernah jumpa dan belum pernah apa ni [ini] dapat kesan dari apa cerita cerita yang ada.

**FAIEZ**

*Selain itu juga dikatakan terdapat bunyi meriam di kampung ini jika banjir bakal melanda pernahkah Tok Ari dengar?*

TOK ARI

Itu ada juga cerita itu tapi saya cuma bila kadang kadang bila kata nak [hendak] banjir dia bunyi dentum saya rasa benda tu [itu] agaknya bukan bukan bukan meriam tapi diorang [mereka] [mereka] cakap meriam tapi saya tak [tidak] amik sangat benda tu [itu] kan benda tu [itu] pasal saya rasa tak [tidak] ada bukti yang menyatakan ada meriam meletup cuma memang ada kadang kadang dia ada bunyi derum derum 2 [dua] kali 3 [tiga] kali macam tu [itu] aa.

**FAIEZ**

*Pernahkah Tok Ari dengar bunyi tersebut?*

TOK ARI

Ada dengar ada dengar bunyi je la tapi tak [tidak] tau [tahu] tak [tidak] pasti meriam ke bukan ke (Tok Ari berseloroh).

**FAIEZ**

*Selain itu kampung ini pernah dia ceritakan tentang kewujudan orang bunian pernahkah Tok Ari dengar tentangnya?*

TOK ARI

Orang bunian? Tak [tidak] pernah lah, ooooh ada ada ada orang bunian ni kalau tak [tidak] silap saya lah cerita dia kalau ingatkan balik baru saya ingatka n tentang apa ni bunian tu [itu], bunian ni dia (bunyi ayam berkokok) adalah satu kampung-kampung di kawasan aaa kawasan apa ni ada satu kawasan rendah kalau tak [tidak] silap saya lebih kurang antara sini ke Gemereh tu [itu] ada satu kawasan tu [itu] kawasan kawasan rendah ke tu [itu] dia ada memang ada kampung kat situ kalau dulu cerita dia kalau orang orang nak [hendak] buat kenduri nak [hendak] buat kenduri kawin ceritanya lah tapi saya tak [tidak] pernah nampak dia, ceritanya kalau orang buat kenduri kawin dia akan mintak [minta] dengan bunian tu [itu] untuk pinjam barang barang kenduri nanti barang tu [itu] sampai je tak [tidak] tau [tahu] macam mana sampai, sampai macam mana tak [tidak] tau [tahu] tak [tidak] nampak buktinya cuma dengar cerita nanti apani [ini] barang tu [itu] sampai nanti dia tak [tidak] boleh kalau pecah sekali pun syarat dia kalau pinggan dia pecah, pinggan yang pecah tu [itu] bagi balik katdi dia dia tak [tidak] mo ganti pinggand ia tak [tidak] mo ganti dia mau barang dia jugak sekali dia mau barang ida jugak ha tu [itu] lah yang ada rasa dia kata ada setengah cakap tu [itu] apani [ini] perkampungan bunian tu orang Islam dia cakap (Tok Ari berseloroh).

FAIEZ

***Pernah tak [tidak] Tok Ari dengar tentang orang bunian bila ada banjir dia akan tahu lebih dahulu dia akan pindah dahulu sebelum orang lain pindah?***

TOK ARI

Ha yang tu [itu] saya tak [tidak] tahu yang tu [itu] saya pemah dengar cerita dia yang tu [itu] saya tak [tidak] dengar yang saya cuma dengar yang pasal nak [hendak] kenduri je [sahaja].

FAIEZ

***Selain daripada yang pengasas yang Tok Ari sebutkan sebelum ini apakah nama pengasas lain yang sebelum itu dah [sudah] wujudkan Kampung Jabi?***

TOK ARI

Ada tapi tu [itu] lah tak [tidak] kenal lah ada asalnya memang ada kemudian apa ni [ini] yang datang kemudian ni [ini] lah yang kenal pengasasnya diasaskan untuk menjadi ketua kampung.

**FAIEZ**

***Adakah kampung ini sering dilanda banjir? (bunyi pen)***

**TOK ARI**

Banjir kalau kata banjir dulu masa sistem perparitan tak [tidak] ok banjir tu [itu] kalau keraplah ada kerap berlaku tapi banjir ni [ini] tak [tidak] teruk ha ada kerap berlaku ada banjir tapi tak [tidak] teruk aaa kalau kat sekarang ni [ini] kalau banjir dia sekali banjir dia sekali datang teruk tapi jarang berlaku banjir ha.

**FAIEZ**

***Apakah faktor utama yang menyebabkan banjir di kampung ini pada pendapat Tok Ari?***

**TOK ARI**

Banjir lama ke banjir baru?

**FAIEZ**

Dua-dualah,

**TOK ARI**

Okay [baik]lah banjir lama dulu pasal air ni [ini] dia ada daripada ikut liku bumi ni [ini] kan jadi dia ikut ikut bumi jadi bila apa ni [ini] air yang daripada atas turun banyak dia kan bertakung dulu ha tu [itu] yang berlaku banjir bertakung dulu tapi sekarang ni [ini] air tak [tidak] bertakung air jalan terus tapi kalau sebelah sebelah hilir tu [itu] dah [sudah] penuh sebelah hulu ke sebelah hilir di air, sebelah tu [itu] dah [sudah] penuh bila dah [sudah] penuh dia akan melimpah terus ke atas kawasan kawasan air yang turun daripada atas ni [ini] laju so [jadi] cepat jadi banjir ha lepas tu [itu] tapi tak [tidak] lama lebih kurang sehari dua hari dah [sudah] clear aa tapi bila banjir memang cepat dan memang terus naik atas orang sampai nak [hendak] pindah pun tak [tidak] sempat, dulu orang sempat pindah pasal air naik slow [perlahan] kan sikit sikit sikit.

**FAIEZ**

***Pada kefahaman Tok Ari berapa lamakah hujan turun baru banjir ini berlaku adakah 3 jam atau 4 jam?***

**TOK ARI**

Ooo lama kurang kurang dua hari tiga hari sekurang kurang dua hari atau 3 hari baru berlaku banjir.

**FAIEZ**

***Apakah kemudahan di kampung ini yang disediakan apa bila berlakunya banjir?***

TOK ARI Okay [baik] kemudahan kita sebelum berlaku banjir saya dengan sebagai ketua kampung akan dipanggil untuk bermesyuarat tentang persediaan banjir di bawah JPMM [Jabatan Pemindahan Mangsa Banjir] DUN [Dewan Undangan Negeri] Pemanis aa kita akan bermesyuarat untuk persediaan banjir pertama kita akan melantikkan jawatan kuasa jawatan kuasa yang akan bertugas pada waktu banjir sukarelawan sukarelawan yang akan bertugas pada waktu banjir yang kita cari yang kita lantik ni [ini] pertama kita akan lantik satu orang pengurus satu orang timbalan pengurus lepas tu [itu] aa timbalan pengurus (bunyi fail) kita akan lantik (bunyi file)(bunyi selak kertas) aa AJK [Ahli Jawatan Kuasa] Kebersihan , AJK [Ahli Jawatan Kuasa]Kesihatan , AJK [Ahli Jawatan Kuasa]Keselamatan, AJK [Ahli Jawatan Kuasa] Pendaftaran dan AJK [Ahli Jawatan Kuasa] masak dan juga kita mintak [minta] Persatuan RELA [Jabatan Sukarelawan Malaysia] dan Persatuan Belia untuk standby [bersedia] banjir selain dari itu kita ada dihadiahkan satu bot dan enjin oleh YB [Yang Berbahagia] Tuan Hj Baharom Bin Mohd waktu tu [itu] dia ahli dewan parlimen Sekijang jadi dia bekalkan kita satu bot dan satu enjin yang apa ni [ini] kita pun dah[sudah] hantar dua orang aaa pergi kursus untuk bot daripada RELA [Jabatan Sukarelawan Malaysia] Kampung Jabi kita hantar dua orang untuk kursus bot kendalian bot masa banjir jadi kita standby [bersedia] lah untuk untuk sebarang tindakan yang perlu.

**FAIEZ** *Dimanakah lokasi mangsa banjir di tempatkan?*

TOK ARI Di masa aaa sekarang ni[ini] kita tempatkan di balairaya Kampung Jabi

**FAIEZ** *Satu tempat je [sahaja]?*

TOK ARI Satu tempat je [sahaja].

**FAIEZ** *Pada tahun bilakah banjir teruk berlaku di kampung ini?*

TOK ARI (Tok Ari berseloroh) Samalah ikut ikut Segamat 2006 [dua ribu enam] dengan 2011 [dua ribu sebelas].

**FAIEZ**

***Adakah Tok Ari juga terkena tempias banjir besar tersebut?***

**TOK ARI**

Terkena juga kampung kita kampung ni [ini] kena saya rasa masa tu [itu] saya belum ketua kampung lagi lah rasa.

**FAIEZ**

***Berapakah kawasan yang terlibat ketika banjir tersebut?***

**TOK ARI**

Kawasan yang terlibat cuma satu kawasan aaa kawasan kampung rangkaian aa Kampung Bukit Pasir dan yang terlibat terkepung banjir Kampung Bukit Tempurung.

**FAIEZ**

***Adakah kampung ini mempunyai pasukan keselamatan tersendiri?***

**TOK ARI**

Takda, kita kampung aaa orang kampung sukarela Persatuan Penduduk Jabi dia sukarela kampung yang buat.

**FAIEZ**

***Berapakah anggaran kerugian yang dihadapi apabila berlakunya banjir?***

**TOK ARI**

Oo kerugian tak [tidak] pernah tafsir lagi lah jadi kerugian masing masing la masing-masing pasal rumah masing masing tak [tidak] pemah tak [tidak]da lagi sebut kerugian tu [itu] berapa tak [tidak] dapat nak [hendak] jangka lah.

**FAIEZ**

***Pada kerugian pada Tok Ari agak agak berapa?***

**TOK ARI**

Saya tak [tidak] ada kerugian (Tok Ari berseloroh) kerugian masa dan tenaga je lah (Tok Ari ketawa).

**FAIEZ**

***Jadi ketika tu [itu] rumah Tok Ari tak [tidak] ada kena?***

**TOK ARI**

Tak [tidak] kena tak [tidak] kena rumah saya atas bukit.

**FAIEZ** *Selain banjir apakah masalah-masalah lain yang dihadapi penduduk di kampung ini?*

TOK ARI Bencana alam? Kalau bencana alam cuma kebun diorang [mereka] [mereka] lah banyak kena bila aa kena ribut jadi kena ribut dia tanaman-tanaman diorang [mereka] macam getah patah , getah patah rosak lah tu [itu] je lah yang lain rasa rumah belum ada lagi yang tercabut lagi.

**FAIEZ** *Adakah kampung ini pernah diserang dengan haiwan liar semasa banjir?*

TOK ARI Semasa banjir tak [tidak] ada tapi sekarang ni [ini] haiwan liar yang ada sekarang ni [ini] masalah yang paling besar anjing yang diorang [mereka] bela dekat apa ni [ini] dekat kebun kebun tu [itu] aa jadikan satu orang satu kebun tu [itu] agak lima enam ekor anjing jadi anjing tu [itu] je lah ,serang tak [tidak]dalah tapi diorang [mereka] akan anjing tu [itu] malam malam akan datang apa ni [ini] pergi rumah rumah cari makanlah lepas tu [itu] selain dari itu sekarang ni [ini] mungkin lah monyet pasal monyet dengan kera ni [ini] dia tak [tidak] ada tempat untuk apa ni [ini] berlindung sekarang ni [ini] diorang [mereka] dah [sudah] tebang buat getah buat apa semua jadi tak [tidak] ada tempat untuk diorang [mereka] cari makan diorang [mereka] akan datang ke kebun-kebun datang kadang-kadang dekat rumah pun diorang [mereka] datang makan cari makan camtu [seperti itu].

**FAIEZ** *Selain banjir apakah bencana yang berkemungkinan berlaku di kampung ini berdasarkan bentuk muka bumi di sini?*

TOK ARI Rasa tak [tidak]dalah yang yang yang rasa rasa dijangka berlaku cuma banjir je lah tak [tidak]da lagi lain tak [tidak]da rasanya

**FAIEZ** *Kampung ni [ini] pernah kemarau ke?*

TOK ARI Kemarau pemah,pernah.

**FAIEZ** *Tahun bila tu [itu]?*

- TOK ARI           Lama dah [sudah] dulu ada masa tu [itu] saya ingat ssya darjah enam kot kemarau teruk memang kitaorg kena pergi sungai pergi mandi amik air gandau [gandar] dari sungai bawak balik mandi pagi semua nak [hendak] mandi kat rumah kan pagi-pagi budak nak [hendak] sekolah masa tu [itu] masa tu [itu] teruk sikit lah kemarau memang cukup teruk tanah kering terus sampai pergi pergi tak [tidak] ada air cuma yang ada sungai ,sungai pun daripada dalam jadi macam jadi anak air macam tu [itu],nasib baiklah masa tu [itu] masa tu [itu] nasib baiknya sistem parit kerajaan tak [tidak] besarkan lagi masih ada lubuk lubuk kan air masuk lubuk lubuk kan lubuk lubuk ha sekarang ni [ini] lubuk lubuk dah [sudah] habis lah dah [sudah] tak [tidak]da dah [sudah] , risau juga ha bila tak [tidak]da air kelak.(bunyi
- FAIEZ           WAWANCARAINI DI HENTIKAN SEKETIKA
- FAIEZ           BERIKUT ADALAH SAMBUNGAN WAWANCARA
- FAIEZ**           *Bolehkan Tok Ari ceritakan tentang empat pengasas Kampung Jabi?*
- TOK ARI           Oh yang empat pengasas tu [itu],okay [baik] macam ni [ini] yang saya yang saya dapat dengar cerita daripada penduduk penduduklah bukan cerita ni [ini] mungkin benar dan mungkin tak [tidak] benar tapi apa yang atuk tahu kebolehan kebolehan yang diorang [mereka] ni [ini] ada tiap tiap sorang ni [ini] ada kebolehan kebolehan masing-masing. Saya ceritakan tentang keboelahn yang ada pada atuk saya Tok Kamal, Tok Kamal ni [ini] dia seorang yang penyabar orangnya tenang satu kebolehan dia bila kata ada satu keluarga dekat sini yang bergaduh tau [tahu] dia bergaduh lah apa tak [tidak] kiralah suami isteri ke yang bergaduh atau orang bergaduh dengan jiran sekalipun orang akan panggil Tok Kamal, Tok Kamal ni [ini] dia kalau dia datang orang yang nak [hendak] marah dekat dia ni [ini] betul-betul cakap kat dia nak [hendak] marah bila tengok Tok Kamal dia jadi tak [tidak] marah jadi orang jadi slow dekat dia apa ni [ini] orang jadi slow [perlahan] tak [tidak] boleh cakap-apa, dia settle [selesai] kan lah masalah tu [itu] dengan cara slow [perlahan] dia macam tu [itu] selesaikan masalah tu [itu] macam tu [itu]. Haji Subuh ni [ini] dia dia aa pahlawan lah jenis dia orang yang berani masa zaman komunis dulu, masa zaman

komunis dia haji Subuh apa ni [ini] apa ni [ini] Tok Midon ,pernah saya dengar cerita dia kata dia dengan ada satu apa ni [ini] dengan orang apa ni [ini] orang Bumbun campur dengan orang Kadut , dia punya cerita dia pernah apa ni [ini] masa lepas Tok Kamal ni [ini] meninggal diorang [mereka] dah [sudah] bunuh Cina dekat tepi Kapeh lebih kurang dalam enam orang diorang [mereka] turun diorang [mereka] turun diorang [mereka] diorang [mereka] ni [ini] lah yang turun ni [ini] aa pendekar pendekar kampung ni [ini] turun pergi belasah Cina dekat situ,jadi Tok Subuh ni [ini] salah seorang daripada orang yang pendekar dan apa ni [ini] dia meninggal dunia lebih kurang umur dia 130 [seratus tiga puluh] tahun ha masih tegap lagi masa tu [itu] badan dia masih tegap masih kuat masa umur dia 130 [seratus tiga puluh] tahun meninggal dah [sudah] tua lah tapi memamg walaupun dah [sudah] tua sikap pendekar dia tu [itu] tetap ada aa dia kalau dia nak [hendak] marah dia tetap marah ha dia marah sama dengan dengan Idon ni [ini] Idon ni [ini] dia jugak pendekar selain dari tu [itu] dia ni [ini] ada ha tak [tidak] tau [tahu] lah betul tak [tidak] betul ni [ini] kang jadi tuduhan pulak dia macam ada berdamping dengan aaa makhluk lain ha jadi dia ni [ini] cepat tahu kalau sebarang maklumat nak [hendak] sampai apa apa masalah dia akan tahu dalam kawasan kampung ni [ini] dia lebih awal tahu dan apa ni [ini] dan apani [ini] kalau kata bergaduh ni [ini] ada sekali tu [itu] saya ingat lagi ada kisah dia bergaduh dengan aa pasal buah durian dengan Cina sebelah tu [itu] Cina sebelahtu [itu] rasanya bergaduh masa tu [itu] orang apa ni [ini] bergaduh kejap lah tapi macam mana dia tangkap tangan Cina tu [itu] dia tak [tidak] boleh lepaske cemana [macam mana] saya tak [tidak] ingat lagi lah tapi memang dia bergaduh dua org dengan cina tu [itu] sampai cina tu [itu] cakap apa ni [ini] kita sama you kita menagku adik beradik baru dia lepaskan ha kebolehan dia tu [itu] dia punya apa ni [ini] dia punya kepakaran dia punya pendekar dia tu [itu] (Tok Ari ketawa) sekarang orang pakar tak [tidak] panggil pendekar (Tok Ari ketawa) ha tu [itu] Haji Midon lagi sorang tadi siapa eh tadi?Ha?

FAIEZ

Tok Subuh, Tok Kamal .

TOK ARI

Tok Subuh , Tok Kamal em oohhh Tok Abdul Ghani ha Tok Abdul Ghani ,Abdul Ghani pun jugak sama jugak lah dia pun sama jugak

pendekar apa ni [ini] masa ye lah zaman zaman tu [itu] zaman zaman oendekar kan Tok Ghani ni [ini] salah sorang dia pun mati dlaam usia ynag agak tua lah 100 tahun lebih lah dia meninggal (bunyi lori) apa ni [ini] dia tinggal kan isteri dia ada dua isteri dia, isteri dis ada dua dan banyaklah waris waris dia cucu cucu dia kat sini, yang haji Midon dan haji Subuh tu [itu] tak [tidak] kahwin dualah satu satu je lah tapi diorang [mereka] ni [ini] lah yang masa zaman komunis zaman komunis jadi orang kampung ni [ini] banyak memang berharap dekat diorang [mereka] diorang [mereka] tiga empat orang ni [ini] lah start daripada tu [itu] barulah boelh lepas komunis barulah dia tertubuhnya kampung sikit sikit lepas tu [itu] apabila ada surau kita baru ada surau lah baru diorang [mereka] surau pun yang datang pun masa tu [itu] tau [tahu] lah ada satu zaman tu [itu] satu zaman surau dengan balairaya dipenuh dengan tahi kambing ha ada satu zaman dulu lah jadi surau tu [itu] digunakan waktu Maghrib dengan Isyak ,Subuh kadang kadang masa tu [itu] saya ingat lagi subuh kadang kadang yang paling ramai sekali masa terawih dengan hari raya ha surau tu [itu] fungsi dia yang lain tu [itu] kadang kambing masuk (Tok Ari ketawa) biasalah tu [itu] sebelum tu [itu] dia buat gotong royonglah nak [hendak] bersihkan semua kan jadi surau tu [itu] tak [tidak] guna sampai lah sekarang ni [ini] alhamdullilah dah [sudah] kita dapat taraf masjid kita buat sembahyang 5 waktu penuh haa sembahyang hari raya lain lain aktiviti-aktiviti kampunglah macam kenduri kenduri maulid ke apa semua sekali

**FAIEZ**

***Tentang pengasas kampung ni [ini] ada ke cerita tentang Parang Terbang semua tu [itu]?***

**TOK ARI**

(Tok Ari ketawa) Parang Terbang masa 13 Mei dulu lah tapi terbangnya parang tu [itu] betul tak [tidak] betul tak [tidak] tau [tahu] masa 13 Mei tu [itu] orang kampung semua kumpul berkumpul di balai raya dan masa 13 Mei saya ingat lagi saya di kampung ni [ini] terpaksa duduk di balairaya tak [tidak] berani duduk luar luar pasal tempat saya duduk jauh dalam kebun yang mana yang dalam kebun tu [itu] diorang [mereka] panggil masuk balairaya untuk keselamatan lah diorang [mereka] diorang [mereka] jaga kat situ masa 13 Mei selain tu [itu] sebelum tu [itu] saya tak [tidak]da lagi lah kalau dengar parang terbang cuma dengar jelah Selendang Merah ni [ini] pun ha masa diorang [mereka] mengamalkan Selendang merah lepas

tu [itu] ada satu lagi datang pulak Nasrul Haq tapi masa tu [itu] yang Selendang merah tu [itu] memang diorang [mereka] banyak amal lah untuk untuk kampung ni [ini] lah daripada Kiai Salleh tak [tidak] salah ha.

**FAIEZ**

***Adakah kampung Jabi ada kaitan dengan kampung sekeliling?***

**TOK ARI**

Kampung Jabi ni [ini] dia punya kampung induk Kampung Jabi dan kampung sekeliling ni [ini] aaa Kampung Bukit Pasir tu [itu] kampung rangkaian Kampung Bukit Tempurung kampung rangkaian aa selain selain daripada tu [itu] kawasan kebun kebun getah kebun kebun apa ni [ini] kelapa sawit yang bukan rata-ratanya berasal dari Kampung Jabi lah dia yang daripada luar berkebun kat sini kan itu kawasan kawasan yang terpaksa saya jagalah untuk kampung.

**FAIEZ**

***Secara keseluruhannya ada berapa kampung yang ada kaitan dengan Kampung Jabi?***

**TOK ARI**

Yang berkaitan dengan Kampung Jabi ada aaa dua kampung dua kampung dua kampung lah Bukit Pasir satu dan Bukit Tempurung dan mungkin apa ni [ini] yang akan datang mungkin Kampung Bukit Tanah Merahlah kalau diorang [mereka] dah [sudah] banyak pindah dan yang ada sekarang ni [ini] yang tengah tengah dalam naik yang ni [ini] (bunyi motor) kampung dekat kawasan Felcra ,kawasan Felcra ni [ini] kawasan Kampung Jabi aaa diorang [mereka] dah [sudah] banyak rasa dah [sudah] banyak rumah tu [itu] tinggal lagi diorang [mereka] tak [tidak] buat persatuan lagi kita belum ada amik tindakan apa apa lagi lah.

**FAIEZ**

***Antara kampung rangkaian itu mana kampung yang paling lama yang telah wujud?***

**TOK ARI**

Yang paling lama Kampung Jabi yang lama , Kampung Jabi dia pasal dia indukkan yang kampung lain tu [itu] diorang [mereka] pindah pindah ada tanah kat situ diorang [mereka] beli tanah kat situ diorang [mereka] buat rumah macam tu [itu] lah lebih kurang.

**FAIEZ**

*Adakah terdapat sebarang makam yang di kam [ralat] Kampung Jabi ini?*

**TOK ARI**

